



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN NEGARA**

*SENATE*

**PARLIMEN KEEMPAT**

*Fourth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**

*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 1977]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 [Ruangan 1992]**

**USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan  
Mesyuarat [Ruangan 1991]**

MALAYSIA

**PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Perak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, D.K.S.J., A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ GENERAL TAN SRI ABDUL HAMID BIN BIDIN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

- Yang Berhormat TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMED, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T. H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramasamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Hussin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Salleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

Khamis, 16hb Disember, 1976

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

## RANCANGAN KELUARGA

1. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Perdana Menteri menyatakan jumlah bilangan rakyat yang telah mengamalkan rancangan keluarga dari semenjak ianya ditubuhkan sehingga sekarang dengan memberikan angka-angka pecahan mengikut kaum.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Othman bin Abdullah):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan penerima rancangan keluarga semenjak permulaannya pada tahun 1967 hingga bulan Jun 1976 ialah 544,594 orang. Jumlah ini tidak termasuk bilangan mereka yang mendapat perkhidmatan perancang keluarga daripada doktor-doktor persendirian dan kedai-kedai ubat.

Dukacita saya tidak dapat memberikan angka-angka pecahan mengikut kaum.

Daripada jumlah yang saya sebutkan tadi, ini bermakna bahawa lebih kurang 36% daripada semua wanita dalam lingkungan umur subur dan berkahwin telah mengamalkan perancang keluarga dengan menggunakan sumber-sumber dalam rancangan perancang keluarga.

## JALANRAYA—BELANJA PEMBINAAN

2. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan

belanja bagi membina jalanraya-jalanraya berikut:

- (a) dari Kuala Lumpur ke Karak;
- (b) dari Kuala Lumpur ke Singapura;
- (c) dari Kuala Lumpur ke Petaling Jaya;
- (d) dari Kuala Kangsar ke Grik; dan
- (e) dari Kuala Lipis ke Gua Musang.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Anggaran perbelanjaan projek jalanraya dari Kuala Lumpur ke Karak ialah \$155 juta.
- (b) Setakat ini tidak ada rancangan bagi membina jalanraya yang baru dari Kuala Lumpur ke Singapura. Walau bagaimanapun pembaikan jalanraya dari Kuala Lumpur ke Johor Bahru adalah dijalankan dari semasa kesemasa.
- (c) Anggaran perbelanjaan membina jalanraya dari Kuala Lumpur dan Petaling Jaya ialah \$90.00 juta.
- (d) Setakat ini tidak ada rancangan membina jalan yang baru dari Kuala Kangsar ke Grik.
- (e) Pembinaan Jalanraya dari Kuala Lipis ke Gua Musang masih di dalam pertimbangan Kerajaan. Adalah dianggarkan belanja membina jalan tersebut ialah lebih kurang \$204 juta.

LAWATAN PERDANA MENTERI  
SRI LANKA

3. **Datuk Abdul Aziz bin Tapa** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tujuan lawatan Puan Yang Terutama Puan Perdana Menteri Sri Lanka dengan cara tergesa. Adakah kerana hendak mengambil hati Kerajaan Malaysia atas tindakan memerintahkan Pengerusi Persidangan Negara-negara Berkecuali baru-baru ini supaya perbincangan Diklarasi

Kuala Lumpur jangan dilanjutkan dan jika ya, bagaimanakah sikap Malaysia terhadap hal tersebut.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, lawatan Puan Srimavo Bandaranaike, Perdana Menteri Sri Lanka ke Malaysia daripada 5hb hingga 8hb November, 1976 adalah sebahagian daripada lawatan beliau ke beberapa negara di Asia Tenggara ini. Lawatan seumpama ini dari Kerajaan yang mempunyai hubungan baik adalah menjadi kebiasaan dalam melaksanakan hubungan antara satu negara dengan negara yang lain dan dalam rangka ini Malaysia gembira dapat mengadakan perbincangan dengan Sri Lanka untuk menguatkuasakan lagi kerjasama ekonomi serta persefahaman atas perkara penting bagi kedua-dua negara. Lawatan tersebut tiada hubungan dengan Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali yang telah diadakan di Colombo, Sri Lanka pada 16hb hingga 19hb Ogos, 1976.

#### JURURAWAT/BIDAN DI PUSAT KESIHATAN-KELINIK BIDAN

**4. Datuk Abdul Aziz bin Tapa** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan apa yang menyebabkan kecuaiannya Kementerian ini dalam usaha memberikan nasihat dan rawatan kepada ibu-ibu yang hamil, maka didapati natijahnya tiap-tiap tahun ibu Melayu banyak mati ketika melahirkan bayi. Apakah langkah yang sedang dibuat bagi mengatasi masalah ini dari berleluasa.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar yang Kementerian saya cuai di dalam usaha memberikan nasihat dan rawatan kepada ibu-ibu yang hamil.

Saya suka menyatakan bahawa ibu-ibu yang bersalin di negara ini pada masa ini adalah lebih terselamat jika dibandingkan dengan masa-masa yang lampau. Ini adalah jelas oleh kerana pada tahun 1957 kematian ibu-ibu bersalin ialah 3.2% manakala pada tahun 1974 kadar kematian ini telah jatuh kepada 0.96%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya ada menempatkan Jururawat-jururawat dan bidan-bidan terlatih di Pusat-pusat Kesihatan dan Klinik-klinik

Bidan. Mereka bertugas 24 jam siang dan malam termasuk hari-hari minggu dan hari-hari kelepasan awam untuk menyambut kelahiran bayi. Disamping itu mereka juga memberi nasihat-nasihat kepada ibu-ibu mengandung dan membuat lawatan-lawatan ke rumah-rumah untuk mengetahui segala masalah-masalah di rumah ibu-ibu mengandung itu. Setengah dari mereka ini terpaksa berjalan berbatu-batu untuk sampai ke tempat itu.

Pada masa ini terdapat 2,487 orang bidan terlatih, 276 Jururawat Desa dan 352 bidan-bidan di dalam latihan. Pecahannya mengikut kaum adalah seperti berikut:

	Melayu	China	India	Lain-lain	Jumlah
Bidan terlatih ...	2,027	360	97	3	2,487
Bidan di dalam latihan ...	317	20	14	1	352

Bidan-bidan ini bertugas di tiap-tiap Klinik Bidan di segenap pelusuk negara untuk memberi perkhidmatan kepada ibu-ibu mengandung dan menyambut kelahiran bayi.

Jururawat Desa ialah bidan-bidan terlatih yang telah diberi latihan lanjutan selama 6 bulan dan dihantar ke Klinik-klinik Desa untuk memberi perkhidmatan perbidanan dan juga perkhidmatan Kesihatan Kanak-kanak, merawat penyakit-penyakit ringan dan lain-lain. Klinik Desa ialah Klinik-klinik Bidan yang telah diubah suai dengan membuat satu rumah tambahan.

Klinik-klinik Ibu Mengandung telah diadakan di tiap-tiap klinik di mana ibu-ibu yang mengandung diberi latihan dan tunjuk-ajar secara berseorangan ataupun berkumpul di atas beberapa tajuk seperti:

- (a) Kepentingan menjaga kesihatan, kebersihan dan makanan waktu mengandung;
- (b) Bahaya-bahaya di waktu mengandung dan bersalin;
- (c) Cara-cara menjaga bayi;
- (d) Persiapan-persiapan yang perlu dibuat untuk bersalin dan lain-lain lagi.

Di sini bolehlah dikatakan bahawa perkhidmatan kesihatan kita adalah satu daripada yang terbaik di rantau ini.

Ibu-ibu yang mengandung patutlah memberi kerjasama kepada Kementerian saya untuk tampil ke hadapan bagi mendapat rawatan-rawatan dan nasihat-nasihat dari masa ke semasa.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerana banyaknya ibu-ibu Melayu mati lepas mengandung lebih kurang .9% akibat kurang makan, tak cukup zat, badan tak sihat, darah kurang ataupun lain-lain sebab. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu di atas perkara kematian ibu-ibu Melayu yang begitu banyak daripada bangsa lain.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Hussin:** Soalan tambahan. Adakah disebabkan benih muda (*Ketawa*) maka bayi-bayi Melayu selalu mati lepas bersalin dan kalau benar benih muda apakah ikhtiar untuk menambah supaya banyakkann benih-benih tua (*Ketawa*).

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, sebab soalan itu adalah sudah lari jauh daripada soalan asal.

#### SOALAN No. 5 DITANGGUHKAN KE BULAN JANUARI

**5. Puan Zawiyah binti Abdullah** minta Menteri Penerangan menyatakan mengapakah TV Malaysia seringkali menayangkan filem-filem Melayu pada malam Sabtu dengan filem-filem lapuk kebanyakan keluaran tahun lima puluhan, jauh jika dibandingkan dengan tayangan filem China dan Hindustan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Zawiyah binti Abdullah.

**Puan Zawiyah binti Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu saya minta ditunda kepada bulan Januari 1977.

#### PEKEBUN-PEKEBUN KECIL

**6. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein** minta Menteri Perusahaan Utama:

- (a) menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian ini bagi mengatasi kekurangan tenaga pekerja pekebun-pekebun kecil;
- (b) menyatakan apakah sikap dan langkah Kementerian ini agar penghijrahan belia-belia desa ke bandar dapat dibendong bagi mengelakkan kekurangan pengeluaran getah dan hasilnya; dan

- (c) memandangkan bahawa kebanyakan ladang-ladang getah di negara ini yang telah menjalankan rancangan tanaman getah semula telah menggunakan benih-benih getah yang bermutu rendah dan berikutan dengan terjumpanya sejenis benih getah yang lebih baik mutunya baru-baru ini yang boleh mengeluarkan lebih banyak susu getah, nyatakan samada Kerajaan bercadang untuk menyemak semula syarat-syarat tanaman getah semula dengan tujuan untuk mengurangkan umur pokok getah yang boleh ditoreh kepada 15 tahun sebelum dibenarkan pokok getah ditanam semula.

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kekurangan tenaga pekerja pekebun-pekebun kecil merupakan kekurangan bermusim (*seasonal shortage*), mengikut keadaan adanya penghijrahan belia-belia ke bandar. Masalah ini berlaku bukan sahaja di kalangan pekebun-pekebun kecil tetapi juga di kalangan tenaga buruh negara amnya.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya, melalui Pihakberkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), di antara lain, sedang giat melaksanakan rancangan-rancangan memodenkan sektor pekebun-pekebun kecil supaya dapat menambahkan lagi keupayaan dan seterusnya meninggikan pendapatan pekebun-pekebun kecil. Dengan pendapatan yang lebih baik dan bertambah adalah diharap dapat menarik golongan belia supaya berkecimpung dalam perusahaan getah dan dengan itu juga kekurangan tenaga kerja dapat diatasi.

Disamping itu, RISDA juga sedang merancang berbagai-bagai aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh ahli keluarga pekebun-pekebun kecil sendiri sebagai kerja sambilan disamping kerja-kerja biasa dalam pengeluaran dan pemerosesan getah. Aktiviti-aktiviti ini termasuklah latihan pertukangan tangan, mengadakan bengkel-bengkel perabut dan sebagainya di mana pekebun kecil atau ahli keluarga mereka akan dapat turut serta bagi menambahkan pendapatan mereka. Belia-belia juga akan dipilih dan dihantar ke kursus Program Kemajuan Pengusahaan (*Entrepreneurial Development Programme*) untuk mendapat latihan dan kemahiran.

Saya telah menyentuh mengenai langkah-langkah bagi mengelakkan penghijrahan belia desa ke bandar tadi dan diharap langkah-langkah tersebut dapat mengurangkan berlakunya penghijrahan belia-belia ke bandar.

(c) Jika apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu adalah bagi estet-estet maka dengan ini adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telahpun mengadakan Rancangan Perusahaan Getah bagi Estet-estet (Penanaman Semula), 1974 untuk menanam semula estet-estet yang layak menerimanya. Mengikut Rancangan tersebut di atas estet-estet yang mempunyai pokok getah umur 33 tahun ke atas hendaklah menanam semula getah mereka dan jika tidak mereka tidak dapat wang ses mereka yang biasanya dipulangkan balik kepada estet-estet mengikut pengeluaran mereka. Tetapi estet-estet boleh juga menanam semula getah mereka kurang daripada 33 tahun jika mereka kehendaki. Tetapi oleh kerana pengurusan yang baik maka pihak Kerajaan telah menetapkan bahawa umur pokok-pokok getah di estet-estet yang boleh mengeluarkan hasil adalah sehingga pokok umur 33 tahun. Dengan itu jika estet-estet menanam semula yang umurnya pokoknya kurang daripada 33 tahun maka ini adalah rugi bagi mereka. Dengan itu apa yang disyorkan oleh Yang Berhormat untuk mengurangkan umur pokok getah yang boleh ditoreh kepada 15 tahun sebelum dibenarkan pokok getah ditanam semula sangatlah merugikan estet-estet tersebut oleh kerana umur pokok getah yang boleh memberi hasil adalah sehingga umur 33 tahun.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, walau apa pokok getah sekalipun ditanam samada R10, R32, R105 yang baik berkehendakkan tenaga. Tenaga didapati kurang untuk memotong getah dan pada hari ini memang tak boleh dinafikan samada mengenai pekebun getah di kampung ataupun di estet tenaga tak ada dan tak dapat memotong getah kerana kerja ini bukan otomatik macam mesin kilang. Dengan sebab itu, ada atau tidak cadangan Kerajaan untuk mengambil tenaga luar bagi sementara waktu daripada luar negeri bagi memotong getah-getah kita, kalau tidak hasil tak dapat. Adakah ini difikirkan oleh Kerajaan, macam mana yang dibuat oleh Kerajaan Singapura untuk membina rumah-rumah dan kilang-kilang tenaga tidak ada, maka tenaga daripada Malaysia diambil ke Singapura

untuk mendatangkan hasil negara. Bolehkah atau tidak kita buat demikianian?

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kita ada tenaga yang kita perlu sekarang.

## BURUH MAHIR DI TRENGGANU TENGAH

**7. Datuk Mansor bin Mohamad** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa bilangan buruh-buruh yang bekerja dalam ladang-ladang di Trengganu Tengah tidak mencukupi hingga menyebabkan kerugian hasil yang besar kepada syarikat ladang-ladang itu;
- (b) jika sedar, apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi masaalah ini;
- (c) samada perkara yang tersebut di dalam (a) di atas itu benar, jika ya, nyatakan samada keadaan ini akan mendatangkan sebarang kesan atas pembukaan ladang-ladang sebagaimana yang telah dirancangan di dalam projek Trengganu Tengah. Dari manakah pekerja-pekerja dalam ladang-ladang ini akan didatangkan.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian saya sedar tentang timbulnya masaalah kekurangan tenaga buruh mahir dalam sebuah daripada ladang-ladang yang besar dalam kawasan Trengganu Tengah.
- (b) Masaalah ini timbul daripada kurangnya insentif-insentif yang diberikan oleh ladang tersebut kepada pekerja-pekerja di masa-masa yang lalu. Namun begitu, sejak akhir-akhir ini ladang itu telah mengadakan banyak insentif yang dapat menarik lebih ramai buruh bekerja di situ. Baru-baru ini ladang yang berkenaan telah membuat iklan untuk beberapa jenis kerja buruhan. Sambutan yang diperolehi adalah memuaskan. Oleh itu, ternampak bahawa masaalah ini akan dapat diatasi dalam masa yang tidak berapa lama lagi.

Bagi kawasan Trengganu Tengah seluruhnya penerangan-penerangan akan

dilakukan dan rancangan-rancangan latihan akan diatur dari masa kesemasa oleh Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah dengan tujuan untuk menarik tenaga buruh dan menyediakan tenaga mahir untuk diambil bekerja di dalam berbagai projek. Adalah diharapkan pihak pengurusan ladang-ladang akan menawarkan insentif-insentif yang baik supaya menjadi daya penarik kepada tenaga pekerja di Kawasan Trengganu Tengah dan mengurangkan masaalah kekurangan pekerja di situ.

- (c) Seperti yang telah dinyatakan perkara kekurangan buruh memang benar telah berlaku kepada sebuah estet dan masaalah itu berkurangan sekarang. Bagi ladang-ladang yang baru yang akan diusahakan dalam kawasan Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah pekerja-pekerja akan didatangkan dari dalam negeri Trengganu sendiri. Oleh itu, adalah dijangka bahawa tidak akan berlaku masaalah kekurangan tenaga manusia dalam ladang-ladang itu di masa-masa yang akan datang.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi apabila saya bertanya berkenaan dengan soalan ini semasa soal-jawab adalah sama dan Menteri yang bertanggungjawab menjawab iaitu tidak ada shortage of labour. Ini baru dijawab iaitu shortage itu memang ada. Jadi sekarang conflict di antara satu Kementerian dengan lain Kementerian. Saya hendak bertanya betul atau tidak ada shortage ini. Jika ada shortage atau kekurangan tenaga ada langkah yang patut kita buat. Macam yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi insentif mesti diberi. Ini yang saya kehendaki. Insentif diberi supaya orang tidak bekerja di kilang semua bekerja memotong getah. Beginilah yang kita kehendaki. Jadi, bagaimana yang benar-benar berkenaan dengan penoreh-penoreh getah ini.

**Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda:**

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali patut dinyatakan bahawa soalan yang dihadapkan kepada Kementerian saya ini bukan mengenai pekebun-pekebun kecil. Ini adalah di dalam ladang-ladang yang ujud di dalam Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah. Kekurangan dalam tenaga pekerja mahir dalam ladang yang termaklum itu memang berlaku tetapi langkah-langkah telahpun diambil bagi mengatasinya. Untuk pengetahuan

Ahli Yang Berhormat satu daripada sebab-sebab yang menyebabkan pekerja-pekerja yang mahir itu berkurangan ataupun mengundurkan diri daripada pekerja di ladang itu ialah pernah berlaku juga satu ketika dahulu pekerja-pekerja itu tidak disifatkan sebagai pekerja tetap, dia dianggap sebagai pekerja sementara barangkali ada tujuan-tujuan yang tertentu. Jadi itulah yang saya sebutkan tadi bahawa langkah-langkah yang lebih insentif mestilah dikemukakan kepada pekerja-pekerja itu supaya mereka merasa senang dan merasa puas hati bekerja dalam ladang-ladang tersebut. Jadi persoalan saya ini agak berlainan dari pekebun-pekebun kecil.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana Yang Berhormat Menteri telah mengaku iaitu kita kekurangan pekerja, adakah apa-apa rancangan pada masa yang akan datang untuk mengatasi masaalah kekurangan buruh-buruh di negara kita, kita hendaklah liberal memberi work permit kepada ladang-ladang—more liberal in giving work permit. Dengan ini kita boleh mengatasi kekurangan buruh. Adakah apa-apa rancangan Kementerian Tanah boleh berhubung dengan Kementerian Buruh pada masa yang akan datang.

**Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, setakat hari ini saya rasa langkah-langkah masih boleh kita lakukan bagi mendapatkan tenaga pekerja dalam kalangan orang-orang tempatan. Akan tetapi, jika benar-benar masaalah seperti itu timbul maka perkara itu boleh dikaji dengan semasak-masaknya.

## MURID PONTENG SEKOLAH

**8. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa murid-murid ponteng sekolah dan samada kajian yang dijalankan itu hanya di Kelantan atau seluruh Malaysia dan jika ya, berapa bilangannya mengikut Negeri dan kaum.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, di antara sebab-sebab mengapa murid ponteng ialah:

1. Tidak menyiapkan kerja sekolah.
2. Tidak dapat membayar yuran sekolah dan yuran-yuran lain.

3. Lemah pencapaian akademik dan kurang dorongan.
4. Dipengaruhi oleh kumpulan-kumpulan pemuda yang tidak diingini samada yang tercicir sekolah dan/atau menganggur.

Belum ada lagi kajian ponteng dijalankan samada di Kelantan atau seluruh Malaysia dan oleh sebab itu saya tidak dapat memberikan bilangannya mengikut negeri dan kaum. Walau bagaimanapun, saya telah mengarahkan supaya siasatan diadakan dan lapuran dikemukakan kepada saya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kajian yang telah dijalankan di Negeri Kelantan itu ialah kajian mengenai ketidakhadiran dan bukannya ponteng.

**Dr Lim Ah Sitt:** Soalan tambahan. Adakah benar atau tidak murid-murid yang ponteng sekolah ada terlibat dengan hisap dadah. Jika ada berapa peratus yang terlibat dalam menghisap dadah dan apa tindakan yang akan diambil.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, ini mungkin berlaku tetapi seperti saya katakan tadi kita belum mengadakan kajian berkenaan ponteng sekolah. Oleh sebab itu, saya tak dapat berkata samada benar atau tidak dan peratusannya.

**Datuk Abdul Aziz bin Tapa:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri tadi kebanyakan daripada kejadian ponteng sekolah ini ialah disebabkan oleh murid-murid itu sendiri. Adakah atau tidak sebab-sebab yang datang dari sekolah sendiri. Umpamanya, barangkali oleh sebab guru banyak kerja, murid ditinggalkan, kemudian murid datang sekolah tak belajar, dia pun ponteng. Atau barangkali oleh sebab perkakas tak cukup, masuk bilik sains tak belajar, diapun ponteng. Adakah sebab-sebab yang macam ini pun menjadi murid-murid ponteng sekolah?

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada tuduhan seperti ini dan juga memang ini mungkin menyebabkan kepontengan murid-murid ke sekolah. Tetapi selagi saya tidak dapat mengadakan kajian secara mendalam tidak dapatlah saya mengatakan samada kejadian ini benar-benar berlaku dan apakah peratusannya.

## AKTA MENGHAPUSKAN SAMSU

**9. Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Undang-undang menyatakan tindakan yang telah diambil untuk menguatkuasakan Akta menghapuskan samsu.

**Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim):** Tuan Yang di-Pertua, Akta Undang-undang Membaharui (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 telah pun dikuatkuasakan mulai 16hb April, 1976. Semenjak Akta tersebut dikuatkuasakan sehingga 30-11-76, 98 orang telah pun ditangkap dan dihadapkan di mahkamah. 10 orang telah didapati salah dan kes terhadap 88 orang yang lain belum diselesaikan lagi.

Pihak-pihak Polis dan Kastam sedang mengambil tindakan tegas untuk menghapuskan samsu gelap. Di antara tindakan-tindakan yang diambil termasuklah:

- (a) mencari maklumat serta menjalankan serbuan ke atas tempat-tempat persembunyian samsu gelap;
- (b) mengadakan pemeriksaan mengejut ke atas tempat-tempat yang disyaki dari semasa ke semasa; dan
- (c) mengadakan hubungan rapat serta kerjasama dengan pengurus-pengurus estet dan Ketua-ketua kampung dalam usaha mencegah angkara tersebut daripada menular di kalangan pekerja-pekerja estet dan di luar bandar.

Ingin juga saya menyatakan di sini bahawa untuk membolehkan pihak penguatkuasa mencapai kejayaan yang lebih besar di dalam usaha-usahanya untuk menghapuskan samsu gelap ini dan untuk mendakwa mereka yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini, kerjasama daripada orang ramai dengan cara memberi maklumat tepat adalah dikehendaki.

## LALAT/NYAMUK DI BANDAR-BANDAR

**10. Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan memandangkan banyak lalat, nyamuk dalam bandar, samada atau tidak Menteri mengadakan rancangan tindakan serta-merta bagi mengurangkan dan menghapuskan gangguan itu.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana yang saya ketahui, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah

Persekutuan tidak pernah menerima apa-apa aduan berhubung dengan kekacauan lalat di kawasan-kawasan bandar.

Berkenaan dengan kekacauan nyamuk di kawasan-kawasan bandar, penguasa-penguasa tempatan ada mempunyai pasukan-pasukan tetap bagi mencegah nyamuk, kebersihan kampung dan kawalan serangga yang mana sentiasa menjalankan langkah-langkah untuk mencegah kekacauan-kekacauan tersebut.

Jika Yang Berhormat Dr Senator dapat memberitahu bandar-bandar yang terlibat Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan akan membuat siasatan dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menghapuskan kekacauan.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya soalan tambahan. Petaling Jaya ialah sebuah pekan yang banyak nyamuk macam lebah bila malam. Apabila saya bertanya sebagai seorang Ahli Jawatankuasa Lembaga Bandaran Petaling Jaya, mengapa banyak nyamuk, Pengerusi Lembaga Bandaran menjawab: nyamuk ini bukan dari sini, dia datang terbang dari jauh. Itu sebabnya semalam saya bertanya kepada Menteri Kesihatan berapa jauh nyamuk boleh terbang, beliau mengatakan tidak tahu, dia tidak ukur. Nyamuk barangkali memang tidak ada di Petaling Jaya tetapi dia terbang daripada kawasan estet dan lombong di antara Kuala Lumpur dengan Petaling Jaya. Jadi bagaimana Yang Berhormat Menteri akan mengambil tindakan di atas perkara ini, menyiasat berapa jauh dan berapa lama nyamuk boleh terbang supaya masalah nyamuk di Petaling Jaya dapat diatasi.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kalau jenis burung dapat kita gelangkan berapa jauh burung itu boleh terbang tetapi nyamuk sangat kecil payahlah kita hendak ukur berapa jauh nyamuk boleh terbang. Tetapi soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat saya boleh rujukkan kepada rakan sejawat saya Menteri Kesihatan supaya dapat disiasatkan. *(Ketawa).*

## PENEROKA FELDA

**11. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan bilangan peneroka-peneroka dalam tiap-tiap Rancangan FELDA mengikut

bangsa dan menyatakan samada beliau berpuashati dengan penyertaan bumiputra, China dan India dalam Rancangan-rancangan tersebut.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan peneroka, dalam FELDA mengikut kaum, yang ada di rancangan-rancangan FELDA pada 30hb November, 1976 ialah:

Melayu ... ..	36,843	Keluarga
China ... ..	752	„
India ... ..	642	„
Lain-lain ... ..	33	„
Jumlah ... ..	38,270	

Sekarang ini nampaknya jumlah permohonan yang diterima daripada kaum-kaum bukan Melayu bertambah baik dan adalah dijangkakan pada masa hadapan bilangan peneroka-peneroka daripada kalangan mereka itu akan berubah.

## PINJAMAN BUKU-BUKU TEKS

**12. Dr Wee Khoon Hock** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Menteri menganggap Sekim Pinjaman Buku-buku Teks yang dilancarkan mulai awal tahun 1975, dapat dijalankan dengan lancar dan licin, kerana setengah-setengah Guru Besar dan Guru-guru mengadukan yang sekim ini memakan masa persekolahan guru-guru yang terlibat. Jika tidak, apa langkah akan diambil untuk memperbaiki keadaan itu.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan yang pemberian buku-buku teks di bawah Sekim Pinjaman ini dilaksanakan dengan teratur, adalah penting bagi sekolah melengkapi maklumat pada Buku Setok dan pada rekod-rekod darjah. Kerja-kerja ini perlu dibuat hanya pada permulaan tahun dan pada penghujung tahun. Mungkin Ahli Yang Berhormat maksudkan kepada “masa mengajar” apabila mengatakan “yang sekim ini memakan masa persekolahan”. Kerja-kerja merekod tidak sepatutnya memakan “masa mengajar”, oleh kerana kerja-kerja ini boleh dijalankan di luar waktu mengajar, iaitu di sebelah petang bagi sekolah pagi dan di sebelah pagi bagi sekolah petang. Juga di

awal tahun, sebahagian besar daripada kerja-kerja ini dapat dijalankan sebelum tahun persekolahan dimulakan. Di akhir tahun pula masa di antara tamatnya peperiksaan dan berakhirnya tahun persekolahan (kecuali Tingkatan 5) dapatlah digunakan bagi menjalani kerja-kerja tersebut. Sekolah-sekolah adalah diminta membuat perancangan awal bagi memastikan yang kerja-kerja ini berjalan dengan lancar dan licin.

### LAPURAN SURUHANJAYA GAJI IBRAHIM ALI

**13. Tuan T. S. Gabriel** bertanya kepada Perdana Menteri iaitu memandangkan bahawa Lapuran Ibrahim Ali tidak mengadakan peluang-peluang untuk kenaikan gaji yang memuaskan bagi golongan peringkat rendah dan memandang keadaan di dalam negeri lebih dari 60% pekerja-pekerja terdiri dari mereka yang di peringkat rendah, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menyemak semula Lapuran Ibrahim Ali itu.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat maklum, satu Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan untuk mengkaji Lapuran Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali. Oleh kerana pengkajian sedang dijalankan, maka soalan Ahli Yang Berhormat itu tidaklah dapat diberi jawapannya yang penuh. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Kabinet itu telahpun mengambil ingatan terhadap gaji pekerja-pekerja peringkat rendah.

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam ini.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui,

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam ini.

### RANG UNDANG-UNDANG

#### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1977

##### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (15hb Disember, 1976).

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah diingatkan oleh kerana hari ini hari terakhir untuk perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 1977, maka saya berharap Ahli-ahli yang hendak bercakap pada hari ini hendaklah bercakap dengan ringkas supaya semua Ahli-ahli yang masih belum bercakap boleh membuat ucapan masing-masing.

Datuk Syed Hassan Aidid, sila sambung ucapan.

3.09 pgt.

**Datuk Syed Hassan Aidid:** Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya kelmarin, saya suka sentuh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang peruntukannya \$17,128,000.

Perkara yang saya hendak bawa ini ialah perkara peruntukan wang di Majlis Sukan Negeri khasnya di Pulau Pinang. Saya bercakap ini dengan pengalaman saya sebagai Presiden PASA (Penang Amateur Swimming Association) ataupun Persatuan Renang Pulau Pinang. Badan ini telah mengemukakan estimate untuk 1976 sebanyak \$4,500 tetapi kita cuma dapat \$1,000. Saya bukan sahaja bercakap untuk Badan Renang ini bahkan untuk Persatuan-persatuan Sukan yang lain di Pulau Pinang. Sepanjang pengetahuan saya Majlis Sukan Negeri telah diperuntukkan sebanyak \$30,000 untuk tahun 1976 dan wang ini ialah untuk 26 buah Persatuan Sukan di Pulau Pinang dengan ikhsan peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ada 26 pasukan dan wang yang diberikan \$30,000 bermaknalah pembahagian satu-satu pasukan cuma dapat \$1,000. Bolehlah Tuan Yang di-Pertua memikirkan dengan wang \$1,000 ini bagaimanakah aktiviti-aktiviti boleh berjalan dengan licin untuk selama setahun. Misalnya, di dalam Persatuan Renang kita terpaksa mengadakan berbagai-bagai aktiviti, mengadakan courses dan pada 20hb ini pula Negeri Pulau Pinang akan menjadi tuan rumah kepada Malaysia Junior Swimming Meet yang mana boleh dikatakan ke semua negeri-negeri datang ke Pulau Pinang seperti Negeri Sarawak, Melaka, Kuala Lumpur dan sebagainya. Dengan adanya perjumpaan ini tentulah akan memakan belanja yang besar dan kami terpaksa meminta sedekah dan jamuan makan pula saya sendiri terpaksa memberikan. Pendek kata, bukanlah kerana ini sahaja bahkan sungutan daripada semua pasukan-pasukan sukan di Pulau Pinang. Maksud saya di sini, kalaulah Kementerian ini dapat peruntukan sebanyak \$17,128,000 tidakkah elok Kementerian ini juga memberi satu geran direct kepada Majlis Sukan Negeri-negeri ataupun menerusi Majlis Sukan Kebangsaan kerana kita melaung-laungkan supaya sukan (sport) bergiat di mana-mana, tetapi cuma diberikan wang kepada Majlis Sukan Kebangsaan sahaja, ini bererti kuat di atas, lemah di bawah, saya fikir tentu kegiatan sukan tidak akan berjalan. Saya bimbang barangkali banyak persatuan-persatuan tidak berjalan dan ditutup semua sekali. Jadi, saya minta Kementerian yang berkenaan berfikir dengan baik supaya dapat Majlis Sukan Negeri-negeri berjalan dengan giat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita mengkritik Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan ada kalanya terpaksa kita beri pujian pula. Di sini saya hendak bercakap mengenai Pasukan Polis. Dalam beberapa bulan ini kita telah membaca dalam akhbar-akhbar bahawa pihak Polis khususnya di Petaling Jaya dan Kuala Lumpur telahpun membuat tangkapan-tangkapan dan serbuan di merata-rata kelab malam dan tempat-tempat gangster dan sebagainya. Begitu juga seperti yang ditunjukkan dalam akhbar-akhbar beberapa pucuk pistol dan senjatapi telah didapati daripada orang-orang ini. Ini memberi satu galakan dan juga satu relief kepada rakyat. Pendek kata, kalaulah Kerajaan membelanjakan beberapa banyak wang pun untuk pembangunan tetapi negeri kita huru-hara, ini tidak akan menjadi satu perkara yang baik bahkan di sini

saya suka juga memberi kepujian kepada Datuk Mansor Mohd. Noor yang bekerja bersungguh-sungguh dan mengambil inisiatif yang berani untuk menangkap orang-orang ini. Dalam pada itu pula kalaulah kita dapati lima pucuk pistol di negara kita, tetapi sepuluh pucuk pistol masuk daripada Thailand, Singapura; ini samalah 2 x 5, 5 x 2 juga. Jadi, saya suka mengesyorkan di sini supaya di negeri-negeri seperti di sempadan hendaklah diadakan satu kawalan yang rapi dan memberi senjata yang cukup lengkap kepada pihak kastam-kastam dan imigresen supaya mereka dapat mengatasi orang-orang yang membawa pistol daripada luar negeri.

Mengenai masaalah perumahan, saya juga adalah salah seorang yang menyanjung tinggi di atas pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita. Sebagaimana yang telah kita dengar ini adalah satu perkara yang baik iaitu harganya murah di antara \$12,000-\$16,000 tidak lebih daripada \$20,000 dan bunganya cuma 5½% serta berbagai-bagai kemudahan diberi. Tetapi apa yang saya bimbang di sini, janganlah pisang berbuah dua kali iaitu pada masa yang lampau apabila projek-projek perumahan dijalankan oleh Kerajaan pemohon-pemohon mengatakan yang mereka tidak ada rumah sama sekali, tetapi didapati orang-orang itu telah mempunyai lebih daripada sebuah rumah. Di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan beliau berkata rumah-rumah ini akan diberi kepada pemohon-pemohon yang tidak ada rumah. Jadi masalah akan berbangkit. Saya berfikir tidak ada lain jalan mestilah mengadakan satu undang-undang supaya mereka yang mengatakan tidak ada rumah tetapi mereka didapati memiliki lebih daripada satu rumah maka rumah-rumah ini patut dirampas. Inilah satu jalan supaya semua rakyat jelata dapat memiliki rumah-rumah, kalau tidak kita kembali kepada asal juga. Saya minta Kementerian yang berkenaan tolong mengambil perhatian, kalau tidak terjadilah keadaannya seperti kita kata: it defeats the good purpose—tidak bermakna.

Satu lagi masaalah berkenaan dengan rogol. Kalau kita baca di dalam akhbar-akhbar pada beberapa tahun yang lepas banyak kanak-kanak yang umur enam tahun telah dirogol. Ini saya fikir bukanlah nafsu manusia bahkan nafsu binatang, kerana kita semua di sini mempunyai anak masing-masing dan kita tidak merasa macam manakah reactionnya

kerana kita belum lagi menjadi mangsa. Tetapi orang-orang yang kena tentulah berasa keciwa dan kalau perkara ini berlaku berlanjutan saya fikir ini satu perkara yang tidak patut didiamkan. Kita ketahui hukuman-hukuman ialah hukum penjara. Saya cadangkan kalau kes-kes senjapati dan dadah boleh dihukum bunuh, saya minta Kementerian yang berkenaan tolong berfikir supaya kes-kes ini dijatuhkan hukum bunuh barulah perkara ini lega.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya bercakap berkenaan dengan pencen. Saya mendapat sungutan ramai orang di Pulau Pinang. Apabila seseorang itu bersara dia tidak akan mendapat pencennya sehinggalah sampai setahun atau dua tahun. Jadi, saya minta supaya perkara ini dapat dilaksanakan dengan seberapa lekas.

Berkenaan dengan Pulau Pinang pula di dalam ucapan saya dalam persidangan yang lalu saya telah bercakap panjang berkenaan dengan UDA di Tanjong To'kong. Alhamdulillah, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, Datuk Haji Mohamad Yaacob yang telah memberi satu penjelasan yang cukup puas hati dan perkara ini juga saya telah beritahu kepada orang Pulau Pinang dan mereka mengucapkan terima kasih. Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri itu menyatakan bahawa projek itu akan dijalankan, cuma ada perubahan sedikit. Apa yang dikehendaki hari ini supaya saya dan rakan-rakan saya di Pulau Pinang dapat satu penjelasan dalam Dewan ini bilakah projek ini akan dijalankan.

Penghabisan sekali, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kedudukan orang Melayu di Pulau Pinang. Saya telah bercakap sekali dua dalam Dewan yang mulia ini bahawa satu Jawatankuasa Petugas telahpun menyiasat atas kedudukan orang-orang Melayu. Pada masa Allahyarham Tun Abdul Razak, lebih kurang setahun lebih, saya diberitahu bahawa perkara ini adalah di dalam Jabatan Perdana Menteri. Perkara ini sudahpun lama dan orang Melayu gelisah hendak tahu apakah hasil daripada memorandum ini. Jadi saya minta supaya Jabatan Perdana Menteri memberitahu dengan seberapa segera hasil daripada memorandum yang telah diberitahu itu.

Sekianlah sahaja ucapan saya dan sekali lagi saya menyokong penuh atas Rang Undang-undang yang dihadapan kita ini.

3.21 ptg.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya mengambil bahagian sama bagi mengemukakan beberapa pandangan dan pendapat berhubung dengan Rang Undang-undang Perbekalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tiga hari yang lepas. Sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya rasa ingin hendak menyebut sedikit perasaan dukacita kerana bila saya memandangi di seberang sana, kosong tempat-tempat duduk terutama sekali tempat-tempat yang sangat diperlukan oleh kita semua. Kita masih ingat pada hari kita mengadakan pre-council tempoh hari, ada beberapa orang rakan kita menyebut tentang sambutan Yang Berhormat Menteri-menteri kepada Persidangan Dewan Negara pada masa yang lepas tidak begitu memuaskan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah berjanji akan mengarahkan Menteri-menterinya supaya sentiasa ada kalau tidak penuh pun beberapa orang supaya dapat mereka memberi perhatian sepenuhnya kepada perkara-perkara yang mungkin ada perlu dibaiki.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang jawapan kepada soalan-soalan oleh Yang Berhormat Menteri-menteri juga. Saya nampak telah menjadi kebiasaan atau telah menjadi tabiat kepada kebanyakan Menteri-menteri ini menjawab hanya dengan membaca apa yang ditulis oleh pegawai-pegawai dari Jabatannya ataupun Setiausahaanya. Kadang-kadang jawapan itu memang tidak tepat. Kalau tersilap sedikit sahaja fahaman daripada wording pertanyaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, maklumlah mereka juga datangnya dari daerah-daerah juga, kadang-kadang satu-satu perkataan daerah dari Trengganu misalnya, mungkin di Selangor ini fahamannya lain. Maka orang dari Selangor itu menjawab terpelenconglah daripada maksud yang ditanya. Tetapi Yang Berhormat Menteri ini baca sahaja hinggan kadang-kadang menjadi satu perkara yang lucu apabila dihujjah balik oleh Ahli yang bertanya. Saya harap pada masa yang akan datang memang benar kita bergantung kepada pegawai yang boleh memberi segala kenyataan, tetapi janganlah bulat-bulat 100% kita bergantung kepadanya. Mestilah yang Berhormat Menteri menggunakan inisiatif sendiri, common sense, kalau perkara itu nampak tidak menasabah, tidak payah dibaca. Jawablah sedikit-sedikit yang perlu dan

mustahak. Itulah teguran saya sebagai pembuka dalam perbincangan belanjawan ini.

Alhamdulillah syukur kepada Allah, kalau kita meneliti dengan sehalus-halusnya keadaan negara kita pada hari ini telah mencapai satu kejayaan yang diluar daripada jangkaan sama sekali. Dua tahun yang lepas kita telah dilanda oleh tekanan inflasi yang mana menyebabkan segala-galanya tidak menyenangkan dengan segala kerumitan-kerumitan ataupun kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh segenap pihak samada oleh pihak rakyat jelata dan juga oleh pihak Kerajaan sendiri. Tetapi Alhamdulillah, dengan berkat kebijaksanaan pemimpin-pemimpin kita dan barangkali juga dengan keredhaan Tuhan yang maha kuasa maka kita telah dapat mengatasi masalah kerumitan itu dengan baik dan ekonomi kita telah pulih dengan lebih cepat daripada negara-negara lain di dunia ini. Kekayaan negara kita dengan hasil-hasil getah, kelapa sawit dan yang akhirnya minyak pula adalah sangat-sangat membanggakan. Ekonomi sangat cerah di masa yang akan datang yang kita harap akan dapat dinikmati oleh keseluruhan rakyat dalam negara kita yang kaya ini. Cuma saya merasa bimbang sedikit berhubung dengan keadaan sambutan oleh orang-orang Melayu. Kenyataan-kenyataan telah membuktikan bahawa keadaan atau attitude kita orang Melayu adalah sangat tidak menyenangkan. Bukan semua saya katakan, tetapi kebanyakan terutamanya masyarakat desa ataupun orang-orang kampung. Kita membicarakan dalam masa soal jawab tadi berhubung dengan kekurangan tenaga buruh di setengah-setengah tempat. Sebenarnya saya bertanya Yang Berhormat Menteri tadi kerana ini benar-benar berlaku di Trengganu yang ketetulan ada satu ladang besar yang saya sendiri tahu ada satu masa hingga menanggung kerugian berpuluh-puluh ribu dengan sebab hasil daripada ladang itu tidak dapat dipungut dengan sebab kekurangan tenaga. Itulah sebabnya saya menyoal Yang Berhormat Menteri, kalau ini berterusan berlaku, apa akan jadi dengan rancangan-rancangan yang akan diadakan dalam kawasan Trengganu Tengah yang banyak beratus-ratus ribu ekar akan dibuka dan setengah-setengah sudahpun mula dibuka sekarang. Di mana nanti kita hendak adakan buruh-buruh atau pekerja-pekerja ini. Ini yang saya bimbang. Sebenarnya betul, sebagaimana jawapan Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan tenaga itu ada, yakni

orang atau manusia itu ada, tetapi oleh kerana attitude mereka itu, pandangan mereka itu terhadap keadaan belum begitu baik, barangkali dengan sebab tradisi lama kita, orang Melayu sudah biasa memandang sesuatu perkara dengan senang—easy life, tidak mahu kerja berat, susah payah. Jadi masih terbawa-bawa hingga pada masa sekarang, iaitu apa yang berlaku sebenarnya, saya maksudkan ladang yang berlaku itu berkurangan letaknya di Kemaman. Orang yang banyak menganggur ialah di Kuala Trengganu. Jauh di antara Kemaman dengan Kuala Trengganu ialah lebih kurang 70 batu, kalau ibu bandar masing-masing lebih kurang 100 batu. Pengangguran daripada lebih-lebihan nelayan masih banyak tidak dapat ke laut ataupun daripada kawasan-kawasan luar bandar daripada keluarga petani-petani yang kerjanya tidak berapa banyak; tetapi mereka tidak mahu berpindah ke Kemaman oleh sebab meninggalkan kampung halaman mereka. Walaupun hanya 70 batu. Ini yang berlaku.

Mereka mahu bekerja di sekitar kawasan mereka sendiri yang boleh balik ke rumah tiap-tiap hari, ini attitude mereka. Ada satu lagi pula attitude yang merunsingkan ialah walaupun mereka itu bekerja berhampiran dengan rumah masing-masing, kerjanya sambil lewa, sentiasa bekerja mengikut kata orang mengambut masa, kerja lebih sedikit tidak mahu, kadang-kadang kata orang Trengganu cari selih, ada sedikit fasal sahaja dia tinggalkan kerja, ini saya maksudkan kerja-kerja kontrek, bukan kerja-kerja makar gaji dengan Kerajaan, kalau makan gaji dengan Kerajaan memang kalau belum sampai pukul 4.00 petang dia tidak boleh balik. Kalau kerja-kerja kontrek, maknanya dibayar gaji dengan secara kontrek, kadang-kadang dia bekerja sekerat hari dia sudah dapat \$4.00 itu sudah cukup, boleh belanjau satu hari. Kadang-kadang bila terima gaji hari ini sudah tentu dua tiga hari dia tidak datang kerja. Inilah perasaan semangat dan attitude yang ada pada setengah-setengah orang kita, yang kita mesti mengakui kenyataan ini yang perlu diambil berat dan dikaji oleh pihak yang bertanggungjawab yakni Kerajaan sendiri. Mungkin barangkali orang ini orang yang telah dewasa kita tidak dapat membentuk jiwa mereka tetapi kepada anak-anak kita yang kecil yang di dalam bangku sekolah sekarang ini perlu dididik dan diasuh supaya mereka itu manakala menjalanka-

tugas mempunyai didikasi untuk menyempurnakan tugasnya dengan bersungguh-sungguh dengan tidak kira walaupun yang dia buat kerja itu kepunyaan orang lain kerana barangkali dia makan gaji dan bekerja secara kontrak atau sebagainya. Ini yang perlu. Kalau dibandingkan dengan kaum-kaum lain memang hasil kerjanya masih lagi setengah-setengahnya sangat jauh berbeza. Maka di sinilah timbul perasaan-perasaan yang tidak baik kerana setengah-setengah majikan memberi gaji yang berbeza-beza di antara kaum A dengan kaum B. Saya maksudkan Bumiputra. Kalau bumiputra diberi gaji \$5 sehari dengan satu kerja yang sama misalnya kerja tukang batu (mason). Kaum A dia beri \$10 ataupun \$12. Jadi, bagi kita setengah-setengahnya pada masa dahulu termasuk saya sendiri sebagai orang politik, datang orang mengadu ini tidak adil, katanya, dia beri kepada saya \$5 tetapi kepada si A itu \$10 pada hal saya tukang batu dia juga tukang batu. Kita naik darah dan marah kerana sakit hati sebab berlainan kaum, kita ingat barangkali orang ini telah kena victimise. Ini berlaku di mana-mana. Tetapi setelah kita berjalan jauh, melangkah umur makin hari semakin jauh, pandangan telah lebih luas, kita akan tahu keadaan yang sebenar. Sebenarnya, si pulan yang dapat \$5 itu mengemukakan hasil kepada si taukeh, katalah, lima enis barang atau 5 biji buah tetapi si A yang kerjanya sama dibayar \$10 dapat mengemukakan 15 biji pada satu hari. Jadi, kalau ini berlaku bolehkah kita salahkan kepada majikan yang bertindak demikian; tentulah tidak boleh. Dan bolehkah kita salahkan senata-mata kepada orang kita sendiri yang dapat gaji \$5 kerja lambat tadi tentulah juga barangkali tidak boleh, kerana mereka terpengaruh oleh keadaan keliling mereka bekerja sambil lewa, kerja dengan cara easy life yang saya maksudkan tadi. Inilah yang berlaku. Yang saya maksudkan kalau boleh sekarang saya ingatkan kepada bapak-bapak Menteri, terutama Kementerian Pelajaran cuba mencari jalan supaya dapat diasuh anak-anak kita ini dari kecil supaya mereka mempunyai semangat didikasi bagaimana yang ada kepada kaum-kaum yang lain bila mereka besar dan telah dewasa kelak. Tuan Yang di-Pertua, itulah berhubung dengan attitude orang kita tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit perkara berhubung dengan dakwah pada hari ini. Sekarang alhamdulillah

negara kita memanglah ugama rasminya ugama Islam, tetapi sejak akhir-akhir ini, saya tengok telah sungguh-sungguh berlebihan dakwah ini telah timbul di mana-mana, sehingga kadang-kadang meragukan kita sendiri. Dakwah dari Jabatan Perdana Menteri itu tak apalah, kita tahu ini memang resmi (official) tetapi sekarang di kampung-kampung telah timbul kumpulan-kumpulan yang mendatangkan was-was kepada kita. Kita hendak akui barangkali mungkin susah, maklumlah perkara ugama ini sangat dalam maknanya kepada kita, kita hanya tahu kewajiban kita sembahyang lima waktu sehari semalam, yang besar-besar, itu salah, yang ini tidak boleh, ditegah, tetapi perkara-perkara yang halus-halus memang kita tidak tahu. Yang saya maksudkan tadi sekarang banyak di kampung-kampung didatangi dakwah-dakwah ini, ahli-ahli kumpulan dakwah ini bercampur di antara Melayu dengan orang-orang yang datang dari India. Orang India ini datang duduk di mesjid-mesjid tetapi tidak tahu bercakap Melayu pun hanya dia boleh bercakap bahasa Inggeris kebanyakan. Mereka berjalan pergi ke rumah-rumah beritahu, itu memang bagus. Tetapi kita bimbang kalau tidak dikawal, tidak diteliti betul-betul mereka ini berjalan di atas lunas-lunas ugama yang dibawa oleh ahli-ahli sunnah waljamaah barangkali mungkin kita akan terpelesung. Sebab, apa yang saya rasa bimbang, Tuan Yang di-Pertua, saya pernah membaca, dari India yang paling aktif, paling rajin menyiarkan ugama ini sehingga sampai ke seluruh dunia Eropah ialah daripada kaum Kadiani. Saya ada membaca berita tentang Kadiani ini. Bukan saya kata orang ini Kadiani—tidak, jangan pula salah faham. Kita takut kalau tidak dikawal dengan rapi mungkin nanti ada anasir-anasir seumpama ini menyelinap sama di antara yang benar dan yang betul. Ini yang saya bimbang. Kerana tindakan mereka ini ada benda-benda yang tidak lojik. Maksud saya seperti saya katakan tadi, orang dari India ini datang tidak tahu sepele bahasa Melayu dia masuk ke kampung. Orang kampung ini manalah tahu, barangkali kata "yes" itu dia fahamlah sedikit-sedikit sebab dia dengar dalam radio dan talivisyen, yang lain tidak tahu. Begitu juga sebaliknya sekarang ini ada di tempat-tempat saya, orang-orang kampung ini dibawa pergi ke India, dengan tujuan berdakwah, ada yang pergi sampai dua bulan baru balik, kemudian pergi dua bulan lagi, sudahlah bahasa India mereka tidak

tahu, bahasa Inggeris pun tidak tahu juga, lebih kurang daripada orang India itu sendiri sebab orang India itu dia tidak tahu bercakap Melayu tetapi tahu bahasa Inggeris. Bila dia boleh jumpa orang yang tahu bahasa Inggeris dia boleh bercakap, orang itu terjemahkan balik. Orang-orang ini yang tidak tahu langsung melainkan hanya bahasa Melayu semata-mata, tetapi pergi ke India kerana dakwah sampai tinggal kerja dan rumah-tangga. Ini benar-benar berlaku bukan saya hendak cerita bohong, tidak. Inilah yang saya maksudkan tadi, kalau betul kita menerima syukur dan Alhamdulillah, inilah yang kita kehendaki supaya mengurangkan tindakan-tindakan liar di kalangan muda mudi kita, tetapi saya minta hendaklah dikawali.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap perkara perumahan sedikit sahaja, barangkali rakan-rakan saya telah menyentuhnya. Saya juga hendak menyentuh sedikit tetapi atas perkara-perkara lain. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih bagi pihak rakyat kepada Yang Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh yang telah menguntukkan \$400 juta untuk perumahan peringkat rendah. Memang keputusan itu disambut dengan meriah oleh segenap lapisan pekerja-pekerja yang terkandung dalam lingkungan yang boleh mendapatkan kemudahan-kemudahan itu. Kerana kalau diharapkan rumah-rumah di bawah sekim pinjaman biasa memang mereka ini sukar untuk mendapatnya kerana sekarang banyak projek-projek perumahan tumbuh di sana sini menyebabkan harga tanah melambung tinggi. Maka inilah saya hendak sentuh yang saya maksudkan tadi. Tanggungjawab Yang Berhormat Menteri Kewangan telah selesai, dia mengadakan peruntukan, Alhamdulillah, insya Allah, semua orang menerima kasih kepadanya muga-muga Tuhan akan membalas jasanya yang amat besar itu. Kita harap insya Allah dengan cepat beliau akan kahwin, meninggalkan baka supaya tidak hilang benihnya. Ini yang kita harapkan. Yang membimbangkan, Tuan Yang di-Pertua, menurut kata Yang Berhormat yang diutamakan rumah yang berharga \$6,000 dengan \$12,000. Saya takut satu sahaja, ini adalah kewajipan Kerajaan Negeri saya maksudkan. Kalau Kerajaan Negeri sendiri tidak menyediakan tapak-tapak tanah, dijual dengan secara nominal bukan free sebab tanah ini macam mana pun mesti bayar sedikit premiumnya. Harga \$6,000 dan \$12,000 ini susah kita hendak dapati, melainkan tanah itu sudah disediakan oleh Kerajaan

dengan mengenakan premium yang rendah dan mengadakan infrastrukturnya sekali, maka pihak pemaju mendirikan rumah-rumah yang boleh dijual dengan harga \$6,000 dan yang baik sedikit sampai \$12,000.

Jadi, saya merayu kepada semua Kerajaan Negeri mengadakan tapak-tapak ini dengan dikenakan harga yang nominal, sebab kalau harapan dibeli, saya tidak tahu di negeri lain, kalau di Trengganu sendiri di batu yang keenam, yang ketujuh, maksudnya 5-6 batu daripada bandar masih lagi harga \$20,000 satu ekar. Kalau di situ \$20,000 satu ekar macam mana kita hendak buat rumah dengan harga \$6,000 termasuk dengan harga tanahnya sekali. Boleh juga dibuat macam FELDA boleh buat harganya \$2,000 sahaja, tetapi kalau \$2,000 sahaja rumah itu tentulah terlampau kecil dan keadaannya tidak selesa. Jadi tentulah orang hendak beri pinjaman, M.B.S.B. pun barangkali takut, sedangkan pinjaman 20 tahun, kalau sebuah rumah harga \$2,000-\$3,000 sahaja barangkali tidak sampai 20 tahun, rumah itu roboh dahulu, belum habis bayar. Ini masalaahnya yang mesti difikirkan, tetapi kalau dapat Kerajaan Negeri mengadakan tanah, insya Allah, perkara ini akan dapat diselesaikan. Masaalah hendak ambil peluang jual lebih mahal itu mungkin tidak jadi sebab orang kita yang hendak membeli pun dia bukan tidak ada mata, dia pergi tengok, dia lebih pandai daripada kita lagi, dia siasat rumah itu, dia tawar lagi hingga dapat untung pun ada, maksud saya ini di sebelah Trengganu, di Kuala Lumpur saya tidak tahu. Itu sahaja harapan saya supaya untuk menjayakannya tanah mesti disediakan.

Kerajaan memang menggalakkan pihak swasta mengadakan sebanyak-banyak rumah untuk dijual kepada rakyat jelata dengan menyeru kepada mereka supaya jangan mengenakan keuntungan yang lebih ataupun jangan menyeleweng dan sebagainya. Maka saya harap untuk sama-sama menjayakan rancangan ini segala pihak mestilah bekerjasama, bukan sahaja pihak pemaju yang mesti mematuhi segala syarat-syarat dengan mengenakan harga yang berpatutan, tetapi juga daripada pihak Jabatan-jabatan yang tertentu yang ada kena-mengena dengan pembinaan dan kemajuan rumah-rumah itu. Umpamanya, Jabatan Kerajaan berhubung dengan perbekalan air, Jabatan Penilaian berhubung dengan penilaian untuk mendapatkan bayaran-bayaran progress

payment dan juga Jabatan Perbendaharaan yang membayar tuntutan-tuntutan progress payment ini.

Bagi makluman, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati sebenarnya kalau mengikut seruan-seruan Kerajaan hendak mempercepatkan segala-galanya ini sepatutnya segala pihak mencepatkan juga tindakan-tindakan masing-masing, tetapi dalam masa yang akhir-akhir ini saya nampak bukan makin cepat, ketiga-ketiga Jabatan itu makin mundur, makin lambat daripada biasa. Ini yang telah berlaku. J.K.R. mengenakan tambahan syarat yang lebih-lebih lagi daripada biasa. Kalau dahulu dengan senang dapat bekalan air, sekarang telah makin terlampau susah, hingga terpaksa mengeluarkan belanja yang banyak baru boleh dapat. Begitu juga Bahagian Penilaian-nya kalau betul-betul tidak dapat sebagaimana yang terkandung dalam syarat-syaratnya, dia tidak pergi dan kadang-kadang bila diberitahu, seminggu, dua minggu belum lagi dapat diadakan penyiasatan, sampai pula ke Kuala Lumpur mengambil masa dua tiga minggu. Berkenaan bayaran pula sekarang, kalau dahulu dalam masa tiga hari boleh dapat bayaran bila telah diterima surat nilaian, sekarang sudah jadi dua tiga minggu semenjak pertukaran Ketua Jabatan itu. Dahulu masa ketua kita orang Melayu di sana memang senang, mudah, berjalan dengan baik tetapi sekarang telah jadi pula cara berliku-liku, berbelit-belit, jadi lambat sedikit. Ini semua saya rasa patut kita atasi supaya segala pihak mesti bekerjasama mempercepatkan tugas masing-masing, barulah dapat berjalan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Kementerian Perusahaan Utama saya hendak menyentuh sedikit berhubung dengan perusahaan tembakau. Sebenarnya, tahun 1974 dahulu saya pernah menyuarakan di sini petani-petani di Trengganu mewah kerana dapat mengadakan perusahaan tanaman tembakau ini mendapat faedah, hasil dengan cepat. Semuanya seronok belaka dapat hasil yang baik. Bank Pertanian dan lain-lain bank beri pinjam tetapi melangkah tahun ini semuanya tidur. Ada setengah terpaksa bergadai tanah air kerana hendak bayar hutang bank. Jadi mati terus perusahaan tembakau di Trengganu sekarang, hanya tinggal satu dua orang sahaja, itupun macam kata orang: Hidup segan mati tak mahu. Banyak hutang bank tidak boleh bayar. Itu sebabnya semalam

saya katakan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjaga kepentingan mereka ini apa salahnya kita bankkan terus, jangan bawa masuk tembakau luar negeri. Menteri kata tembakau tidak cukup. Kalau tembakau tidak cukup kenapa hari ini terpaksa tutup, tidak tanam tembakau lagi. Itu menunjukkan bukan kerana tidak cukup, kerana dibawa masuk dari luar pihak pembuat rokok lebih suka dibawa dari luar, katanya, mutunya baik dan sebagainya. Jadi yang local ini dia pilih-pilih, kemudian adalah pula orang tengah dan macam-macam hingga mati perusahaan orang kita. Kalau kita bankkan terus tembakau daripada luar negeri apa salahnya samada sedap atau tidak sedap awak mesti hisap rokok buatan tempatan sendiri. Tengok di Siam, di negeri China, rokok apa ada di negeri China. 600 juta rakyatnya hisap rokok tembakau sendiri, orangnya lebih bijak-bijak, umurnya lebih panjang daripada kita, 78 tahun masih boleh menjadi Menteri, kita di sini umur 55 tahun sudah letih, tidak payah makan tembakau luar negeri lagi. Ini juga saya rasa patut kita adakan dalam negeri kita ini. Kalau kita dapat berdiri di atas tenaga kita sendiri, hasil dalam negara kita sendiri apa guna kita benarkan. Kalau boleh saya minta Menteri itu mengkaji balik perkara ini supaya dapat rakyat kita menambah pencarian mereka.

Berkenaan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian saya cukup puas hati dengan tindakan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk meluaskan bidang perniagaan daripada segenap segi samada perdagangan luar ataupun dalam negeri dan juga dalam bidang-bidang menolong bumiputra dalam lapangan perdagangan juga telah mendapat kejayaan yang cemerlang. Walaupun ada orang Melayu bankrap, itu masalah lain, masalah individual, itu tidak boleh kira cuma kadang-kadang ada juga kesilapan barangkali yang tidak nampak sedikit itu perkara-perkara yang kecil-kecil. Yang saya hendak sebut di sini ialah saya hendak minta supaya Kementerian kita ini lebih berhati-hati, iaitu berkait dengan Jabatan FIDA, berhubung dengan pioner status. Pioneer status ini saya dapati bukan sahaja diberi kepada syarikat yang besar-besar dan di luar negeri sahaja—tidak, ada juga syarikat tempatan dalam negeri yang sederhana atau boleh dikatakan kecil diberi juga pioneer status. Maka syarikat dalam negeri inilah yang saya harap supaya diteliti

betul-betul oleh pihak Kerajaan kerana kita sekarang berpegang kepada perinsip. Sebelum dapat pioneer status, apa yang saya difahamkan, mestilah ada penyertaan bumiputra dalam syarikat ini. Apa yang saya dapati, saya masih siasat sedikit-sedikit dan kalau perkara ini betul saya akan buat aduan, iaitu ada syarikat yang telah menyalahgunakan syarat yang diberi oleh pihak FIDA atau Kementerian iaitu dengan mengadakan saham-saham orang Melayu hanya sebagai topeng sahaja kerana hendak mendapat cukai percuma selama 5 tahun. Saya harap Kerajaan kalau ada aduan dan sebagainya ambil tindakan betul-betul, jangan dianggap perkara ini main-main. Kalau betul didapati sedikit sahaja menyeleweng fasal lepasan cukai, kalau tidak lepas tidak apalah, sikit-sikit lebih kurang kerana berniaga, tetapi yang lepas daripada cukai jangan dimaafkan, mestilah dibatalkan ataupun ditarik balik pelepasan cukai ini.

Satu perkara yang penting sekarang bagi orang-orang di Pantai Timur yang terpaksa saya cakapkan untuk pengetahuan Jabatan ataupun Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berhubung dengan perusahaan Batek Malaysia. Dalam Dewan Rakyat, saya dengar ada rakan-rakan saya menyebut hal susah kain putih. Saya bukan hendak sebut hal susah kain putih, tidak. Apa yang saya hendak sebutkan pada hari ini nama Malaysia di luar negeri. Batek Malaysia untuk diekspot telah dicuri oleh orang lain. Nama sahaja Batek Malaysia, tetapi hasil foreign exchange orang lain yang dapat iaitu Singapura. Apa yang saya cakapkan ini ialah pengalaman saya sendiri. Saya telah pergi ke Eropah dan saya juga telah pergi ke Jepun. Saya bawa batek-batek ini. Tunjukkan contoh (sample). Di Jepun baru-baru ini mereka membawa keluar catalogue gambar batek-bateknya. Dia bertanya: batek mana? Saya kata ini mesti Batek Malaysia kerana serupa. Saya pun ada membuat yang serupa seperti ini. Dia bertanya: berapa harganya. Kita beri harga yang murah sekali kerana kita sudah tahu harga mahal tidak dapat dijual. Dia menjawab: Sorry. Dia dapat lebih murah. Mana boleh. Saya sudah tunjuk segala kira-kira harga. Betul katanya. Dia pun tunjuk, Singapura. Singapura boleh memberi dengan harga yang lebih murah. Begitu juga berlaku di Milan, Italy. Saya sudah siap hendak bungkus kerana sudah order, tiba-tiba datang taligram: orang offer

lebih murah lagi, dari Singapura juga. Ini telah berlaku. Saya siasat adakah kejadian seperti ini benar. Barulah saya tahu memang benar berlaku. Sebab di Singapura kain putih yang kita gunakan untuk membuat batek ini harganya lebih murah iaitu antara 50 sen hingga 70 sen satu ela tanpa cukai. Itu boleh dikira sendiri. 50 sen hingga 70 sen seela harganya lebih rendah daripada yang kita gunakan di Malaysia, kalau jenis yang sama. Itu kain putih. Lilin yang banyak kita gunakan untuk menekan tanah, background dan sebagainya kita hendak celop menjadi warna-warna selisih \$270 satu tan, lebih mahal harganya di Malaysia oleh kerana cukai.

Kita beli daripada Singapura dan kita kena bayar cukai. Lebih kurang \$270 satu tan. Rosin juga digunakan dalam lilin tadi. Rosin ini kita panggil Soker samada dari Indonesia ataupun daripada China. Juga antara \$250 hingga \$280 satu tan, harganya berbeza lebih mahal harga di Malaysia. Apa yang Singapura telah buat? Barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat semua membaca dalam suratkhbar baru-baru ini, Kelantan sebok beribu-ribu pemuda-pemuda pergi ke Singapura mencari kerja. Sebahagian besar inilah sebabnya. Sekali datang ke Kota Bharu sebuah bas, dibawanya tukang-tukang batek ke Singapura, kerana di Kota Bharu sendiri ataupun di Trengganu gajinya dibayar walaupun dengan cara harga dikontrek, tetapi mereka boleh dapat di antara \$5-\$6 sahaja satu hari dan kadang-kadang \$4 sahaja, tidak tentu, tengok keadaan masing-masing. Tetapi di Singapura dibawa terus, diberi rumah tempat tinggal barracks panjang, gajinya \$10 satu hari. Rumah free. Dia boleh buat \$10 satu hari, apa dia takut. Kalau orang ini membuat T-shirt, misalnya, satu hari dia boleh membuat 100 helai cetak kering. Kalau di Malaysia barangkali dia dapat \$5 tetapi oleh kerana harganya murah sedangkan di Singapura dibayar \$10, masih lagi murah kosnya daripada Malaysia. Inilah keadaan yang berlaku pada hari ini, ekseptor batek banyak datang daripada Singapura.

Kebimbangan takut kalau-kalau akhirnya kita hanya terpaksa membuat untuk local consumption sahaja, untuk ekseptor orang lain buat. Yang membuatnya orang kita juga, bukan orang lain tetapi kita tidak boleh menahan orang itu, mereka dapat lebih, kerana upahnya mahal. Apa yang saya minta kalau boleh supaya pegawai-pegawai dalam

Kementerian Perdagangan mengkaji supaya kita adakan satu cara, kita buat satu zone samada di Johor Bahru atau di mana-mana di kawasan untuk membuat batek untuk dieksept. Kemudian bahan-bahan yang digunakan untuk membuat batek ini dilepaskan daripada cukai ataupun bila batek kita hendak dieksept keluar, tengok kosnya, bayar balik cukai yang telah dibayar oleh pembuat-pembuat batek tadi. Dengan jalan ini sahaja, barangkali kita dapat mengatasi atau berlawan dengan mereka. Kalau tidak, perusahaan ini makin lemah dan makin kecil. Mati itu tidak, kerana kita dalam negeri ini masih menggunakan batek ini juga. Tetapi pertukaran wang luar negeri kita akan berkurang daripada perusahaan ini dan kita berkembang pun tidak boleh.

Sekarang di Kelantan sendiri, bukan separuh, banyak yang sudah menggulung tikar menutup perusahaan mereka. Ini yang telah berlaku . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat masa sudah cukup.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua, kerana hari ini tidak ramai.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sila ringkaskan.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit berhubung dengan perkara yang kita bincangkan semasa soal jawab semalam berhubung dengan teksi. Banyak driver teksi yang telah berpuluh-puluh tahun meminta teksi tidak dapat kerana quotanya telah habis. Saya hendak mencadangkan satu cara kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, kerana saya dapat tahu terutama di Kuala Lumpur dan di tempat lain pun ada, seorang taukeh mempunyai teksi sehingga 10 buah dan dia tidak membawa teksi itu langsung. Ada 10 buah semua teksi ini disewakan kepada orang. Siang orang lain dan malam orang lain, bertukar-tukar. 20 orang driver digunakan untuk 10 buah teksi. Siang digunakan untuk waktu selama 12 jam. Perkara ini banyak berlaku. Di Kuala Lumpur pun ada dan di tempat lain barangkali berkurangan sedikit. Jadi untuk menolong mereka ini dapat peluang yang adil, apa salahnya teksi-teksi yang banyak seperti ini kita batalkan.

Berikan kepada driver-driver itu, sebab tuan punyanya langsung tidak membawa teksi-teksi itu, dia hanya menjadi taukeh sahaja. Kalau agak susah, berilah sebuah kepadanya dan yang lain ditarik balik diberikan kepada driver-driver lain yang betul-betul patut berhak menerimanya. Ini sebagai satu cadangan sahaja. Barangkali orang yang mempunyai banyak teksi itu marah, tetapi tidak mengapa, mereka boleh berniaga, sebab kalau mereka ada 10 buah teksi yang dibeli, ini menunjukkan dia mempunyai banyak wang. Sebuah teksi berapa harganya. Kalau mercedez sekarang ini hampir \$30,000 untuk sebuah teksi dan yang lain-lain itupun berbelas-belas ribu, jadi kalau 10 buah sudah berapa ribu. Dia boleh berniaga lain.

Satu perkara lagi saya hendak kemukakan kepada Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah—walaupun beliau tidak ada di sini. Baru-baru ini, saya nampak beliau ada menyiarkan berhubung dengan perkiraan semula pembahagian lot-lot kelapa sawit kepada peserta-peserta daripada beberapa belas ekar kepada 10 ekar seorang. Pada pendapat saya dengan keadaan kelapa sawit yang telah kita alami, 10 ekar ini kalau keluarganya itu besar, memang sukar juga untuk bergantung. Jadi, apalah salahnya kalau keluarganya itu ramai, dilebihkan lotnya. Hendaklah dikira mengikut bilangan keluarga berapa keluarga yang patut menerima 10 ekar dan berapa keluarga yang patut menerima 2 lot atau bagaimana caranya . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat bercakap sudah panjang sangat.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pembukaan wilayah seperti projek Johor Tenggara, Trengganu Tengah dan sebagainya. Saya minta kepada Menteri berkenaan supaya mengarahkan pihak yang bertanggungjawab kepada Lembaga-lembaga itu iaitu kalaulah projek-projek yang tidak begitu besar yang difikirkan boleh menungtungkan kepada bumiputra, tak usahlah Lembaga buka sendiri. Bagilah kepada bumiputra, maksud saya kumpulan bumiputra, saya pun tak setuju dibagi kepada satu orang bumiputra, tetapi kepada satu golongan supaya dengan jalan itu mereka boleh mendapat faedah di samping membimbing mereka memasuki lapangan-lapangan perusahaan dan perniagaan.

Contoh yang saya maksudkan begini. Katakanlah projek Trengganu Tengah yang mengeluarkan tender membina jalan daripada Jerangau sehingga menyambung ke Pelabuhan Kuantan sejauh lebih kurang 106 batu. Tender telah diberi kepada 2 kontraktor berharga \$106 juta dan akan menggunakan batu quari yang sangat banyak. Kemudian dalam kawasan Trengganu Tengah juga ada beberapa pusat yang boleh dibuka perusahaan quari, yakni bukit batu quari. Jadi sudah tentu siapa juga membuka quari ini dalam kawasan berkenaan, jika digunakan oleh pembuat jalan tadi pun tak cukup. Maknanya bila dia memulakan pengeluaran, ada pasarannya. Jadi tentulah projek ini menguntungkan. Maka projek macam inilah yang saya maksudkan. Apa salahnya jika beberapa orang bumiputra dibenarkan membuat satu syarikat untuk membuka quari dan dapat hasil. Janganlah dibuka oleh Lembaga itu sendiri. Sebab Lembaga itu bukan tujuannya hendak berniaga semata-mata, Lembaga itu ditubuhkan untuk menolong dan untuk membimbing. Maka dengan cara itu, barulah dapat kita mencapai matlamat yang dicita-citakan dan ditujukan maksudnya.

#### 4.02 ptg.

**Tuan V. V. Aboo:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin bangun di sini mengemukakan Rang Undang-undang Bekalan Tahun 1977 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah di Dewan Negara pada 13hb Disember, 1976 yang melibatkan beribu juta ringgit itu.

Tuan Yang di-Pertua, tentang perkara kegiatan anasir jahat di dalam negara ini saya minta Kementerian berkenaan akan mengadakan satu Undang-undang Pendaftaran Penghuni (Tenant Registration) dengan tidak berlingah lagi. Jika tidak tentulah susah hendak mengesan pergerakan orang-orang keluar masuk seperti di dalam bandar atau kampung baru sebagainya walaupun ini ada sedikit menyusahkan pihak kerajaan dan orang ramai tetapi bagi rakyat yang betul-betul taat setia kepada negara ini tentulah menyambut baik dan bekerjasama untuk keselamatan negara yang dikasihi ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara dasar Kerajaan untuk menyediakan tempat kediaman bagi pekerja-pekerja ladang setelah bersara oleh tuan-tuan punya ladang nampaknya banyak tuan-tuan punya ladang masih enggan atau sengaja tidak berhajat

hendak berbuat demikian itu. Untuk keselamatan dan kepentingan pekerja-pekerja ladang saya syorkan supaya Kementerian berkenaan mengadakan dan menguatkuasakan undang-undang dengan tegas agar semua tuan-tuan punya ladang bertanggungjawab dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyetujui perkara pembinaan rumah sakit khasnya di Temerloh dan Kuantan di Negeri Pahang. Kerajaan telah beberapa lama ber-cadang hendak mendirikan rumah sakit di kedua-dua tempat ini tetapi malangnya hingga masa sekarang belum lagi didirikan. Kerajaan harus sedar bahawa di Kuantan satu ibu negeri dan rumah sakitnya didapati sudah lama, kecil dan tidak sesuai lagi kerana penduduknya telah bertambah banyak begitu juga di Temerloh di mana rumah sakit yang ada sekarang ini tidak sesuai lagi dan kepada mata umum sangat memalukan. Saya harap Kementerian yang berkenaan akan menyetujui kedua-dua bangunan rumah sakit itu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyetujui perkara permohonan kerakyatan dan kad pengenalan di mana berpuhul ribu pemohon-pemohon kerakyatan sudah bertahun-tahun masih belum mengetahui hasil keputusannya tetapi hanya berada di dalam keadaan tertunggu-tunggu dan terharap-harap sahaja dari satu masa ke satu masa. Ada kejadian di antaranya telah ditemuduga dan berjaya tetapi akhirnya ditolak. Adalah sia-sia sahaja bagi kerajaan menemuduga kepada pemohon-pemohon jika permohonannya tidak diluluskan. Kepada pemohon itu membuang belanja dan masa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya menyetujui pula perkara Dadah Berbahaya. Negara ini mestilah berasa sangat malu apabila ada sangkaan bahawa Kuala Lumpur telah menjadi pusat pengeluaran/pengedaran dadah seperti yang tersiar di dalam surat-surat khabar. Saya harap Kementerian berkenaan akan mengadakan undang-undang yang lebih keras dan berkesan daripada undang-undang yang ada pada masa ini. Saya syorkan supaya kerajaan mengadakan satu unit jentera kerajaan khas bagi menghapuskan perkembangan dadah berbahaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tanah haram pula, perkara ini berlaku di mana-mana sahaja di dalam negara kita. Di negeri Pahang adalah dasar Kerajaan menimbangkan semua tanah haram yang dibuka setakat

tahun 1964 sahaja tetapi masih terdapat perkara ini terus menerus berlaku hingga sekarang yang melibatkan beribu ekar tanah Kerajaan Negeri dibuka secara haram. Kerajaan menjadikan alasan pula kepada pemohon yang meminta tanah, bahawa tidak dapat diluluskan kerana tanah itu tanah haram. Saya harap Kementerian berkenaan akan bertindak tegas di dalam hal ini. Jika iibarkan tanah-tanah itu sampai bila-bila pun tidak dipunyai oleh siapa-siapa pun maka pihak yang menduduki tanah secara haram itu mendapat faedah yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara pembantu-pembantu Hospital yang diluluskan membuka dispensary setelah ia bersara dari jawatannya adalah sangat baik terutama kepada pesakit-pesakit dengan mudah mendapat rawatan dan ubat hanya berjumpa doktor-doktor untuk menentukan sakit dan jenis ubat sahaja. Ini boleh menolong orang ramai dan meringankan beban rumah sakit kerajaan di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak ada mengumumkan pada 1-7-1975 bahawa Kerajaan ada menyediakan 10 juta Tabung Pusingan Perumahan untuk pekerja-pekerja ladang, kilang dan lain-lain. Sehingga sekarang sangat sedikit kemajuan yang dibuat oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan berhubung dengan pelaksanaan projek ini.

Projek ini adalah projek pertama yang besar yang telah memberi harapan terutamanya kepada pekerja-pekerja ladang dan oleh sebab itu demikian saya berharap projek ini dapat dilaksanakan dengan segera. Saya juga berharap semua negeri akan dapat menikmati faedah dari rancangan ini.

10 ptg.

**Datuk Chong Foo Khin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Belanjawan tahun 1977 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini.

Tujuan besar mengubah cukai-cukai baru adalah meninggikan taraf hidup orang-orang susah dan beri banyak industri. Tetapi kita tengok cukai eksport surcharge getah berubah dari 62.5 sen sepaun dari kadar yang lama kepada 60.125 sen sepaun mengikut kiraan belian RSSI tiap-tiap dua minggu. Saya minta Yang Berhormat membalik cukai-cukai itu. Sebab di

Malaysia ada kira-kira 500,000 orang pekebun-pekebun kecil menghasilkan 3 juta ton getah dari jenis kurangbaik (lower-grade). Jadi cukai-cukai baru itu tidak untung kepada pekebun-pekebun kecil.

Satu perkara lagi saya minta pihak Kerajaan timbangan, beri patut kepada kaum-kaum China dalam Rancangan Malaysia Ketiga di bahagian pertanian dan luar bandar. Kerajaan telah beri \$3,900 juta dalam Rancangan Malaysia Ketiga kira-kira 25% daripada semua jumlah pembangunan di Malaysia Barat. Jadi bahagian pertanian akan lebih mustahak dan besar dan akan dapat memberi kerja baru sebanyak 125,000 pekerjaan dalam lima tahun yang akan datang. Tujuan Kerajaan dalam polisi ekonomi baru supaya apabila tahun 1990 dapat mengubah berbilang pekerjaan untuk kaum dalam semua bahagian dan menjadi satu rupa bangsa Malaysia. Tujuan baik itu disokong oleh kaum-kaum China di Malaysia. Di Malaysia kita ada Felra, Felcra dan rancangan-rancangan pertanian tetapi pengusahaan-pengusahanya banyak dari satu kaum sahaja. Kita mesti ingat tempat-tempat itu satu hari nanti akan besar dan menjadi bandar. Apa akan jadi kepada usaha mengimbangkan kaum. Di sini saya minta supaya Kerajaan memberi peluang kepada kaum China di bandar-bandar baru mendapat pekerjaan. Cara begini akan dapat mengurangkan kes-kes rompak, colek, peras ugut, selalunya dibuat oleh orang-orang yang tidak bekerja. Restricted Residents atau bekas pengacau-pengacau banyak yang dihantar ke bandar-bandar kecil. Orang-orang ini susah mahu dapat pekerjaan di bandar kecil. Saya minta Kerajaan memberi peluang kerja bagi bekas pengacau-pengacau itu supaya mereka boleh hidup baik kembali. Banyak hutan di keliling bandar-bandar baru yang belum dibuka dan orang-orang itu boleh bekerja bercucuk tanam dan memelihara ayam itek dan sebagainya.

Sekali lagi saya berharap supaya Kerajaan memikirkan hal-hal itu dengan serious.

4.16 ptg.

**Tuan S.M. Vellayappa:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa terharu dan gembira dengan Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang memberi faedah utama kepada golongan berpendapatan rendah tetapi mengenakan cukai lebih tinggi kepada barang-barang mewah. Tambahan pula, Belanjawan 1977

memberi incentive for industry to stimulate growth. Sebenarnya, there has not been such a painless Budget for years.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang tidak senang hati dengan Belanjawan 1977 ialah barangkali golongan yang drive around in big cars, drink a great deal of wine, beer and liquor, smoke cigars atau pergi ke kelab malam dan rumah urut (health centres).

Belanjawan 1977 dikemukakan ketika keadaan ekonomi dunia dan prospek ekonomi Malaysia berada di dalam keadaan yang menggalakkan dan juga keadaan masa depan yang cerah bagi ekonomi negara dalam tahun 1977.

Kita menerima serta menyokong cadangan strategi belanjawan yang mempunyai tiga tujuan pokok iaitu:

- (i) Memperkukuhkan pemulihan ekonomi pada masa ini dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi;
- (ii) Mempercepatkan pencapaian matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Ketiga; dan
- (iii) Objektif-objektif sosio-ekonomi kita di dalam konteks keselamatan nasional.

Tujuan ini jelas disokong oleh peruntukan pembangunan yang 41% lebih tinggi daripada jumlah peruntukan belanjawan 1976 dan perbelanjaan mengurus atau penggunaan awam yang 13% lebih dari anggaran sebenar perbelanjaan tahun 1976.

Pertumbuhan ekonomi negara pada keseluruhannya adalah bergantung kepada pelaburan swasta dan juga kepada peningkatan eksport negara. Hakikat ini telah disedari. Kita mengalu-alukan langkah-langkah yang telah diambil seperti "Export Credit Refinancing Facility and accelerated depreciation allowance extended to a very wide range of industries—from the manufacturing of biscuits to the making of pottery, from shipbuilding to furniture-making".

Konsep Kerajaan bahawa Belanjawan ialah Rancangan Ekonomi Tahunan yang akan memainkan peranan yang dinamis secara menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pembahagian pendapatan dalam keadaan kewangan yang stabil adalah kenyataan yang tidak dapat dinafikan. Tetapi, belanjawan negara harus dilaksanakan dengan cara yang bersesuaian dengan keadaan dan secara sehabis-habis berkesan dengan mengambil

tindakan mengikut keadaan yang berbangkit dari perkembangan ekonomi dari semasa ke semasa dan bukan semasa belanjawan tahunan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas pengakuan beliau bahawa Kerajaan akan lebih berhati-hati dan mengambil langkah-langkah kewangan yang sesuai untuk memastikan segala jentera kewangan digunakan dengan cekap dan berkesan untuk mengawal kenaikan harga dan kewangan negara tidak akan diperbelanjakan secara boros dan membazir. Saya yakin dan percaya, Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan kebolehan dan pengalaman beliau yang dalam dan luas dapat melaksanakan dasar kewangan yang flexible dan pragmatic yang diakui oleh beliau. Sebarang penyelewengan daripada polisi ini akan menjejaskan usaha untuk memperhebatkan pertumbuhan ekonomi negara tahun dapat serta melemahkan keupayaan pengeluaran sektor pertanian dan perkembangan sektor perkilangan yang dijangka akan mendapat permintaan luar negeri yang kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat mengembirakan bahawa usaha pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat akan terus dititikberatkan di dalam rancangan pembangunan tahun 1977 tanpa mengira kaum. Saya hanya berharap Kerajaan dapat menyalurkan sebahagian besar peruntukan pembangunan untuk sektor awam di mana terdapat kemiskinan paling tinggi iaitu di luar bandar termasuk kampung-kampung baru dan ladang-ladang. Di kawasan-kawasan inilah kemudahan-kemudahan social amenities seperti air, api elektrik, perhubungan, perumahan, kesihatan dan pelajaran tidak menyenangkan hati, terutama sekali di Negeri Kedah yang saya mewakili. Negeri Kedah, "Jelapang Padi Malaysia" yang mengeluarkan hampir-hampir 55% keperluan beras negara hendaklah diutamakan dalam usaha-usaha pembangunan dalam tahun 1977.

Tuan Yang di-Pertua, apakala saya menyetujui Kepala Perbekalan B. 43 iaitu Jabatan Pendaftaran Negara ingin saya membawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini tentang kesulitan yang dialami oleh pekerja-pekerja ladang yang diberanak dan dijaga sehingga besar di negara ini, oleh kerana mereka ini tidak berpengetahuan,

mereka tidak memohon untuk mendapatkan sijil kerakyatan sejak dahulu. Tetapi selepas sistem permit kerja dilaksanakan sejak beberapa tahun ini mereka telahpun memohon untuk mendapatkan kerakyatan dan sebilangan besar dari mereka itu juga berjaya memperolehi Permit Kerja. Tetapi permohonan mereka untuk mendapatkan kerakyatan masih dalam proses dan akibat ini mengalami kesukaran untuk membaharui permit kerja mereka. Sebenarnya, ramai di antara mereka tidak diberi permit kerja dan oleh kerana mereka tidak dapat memperolehi permit kerja, majikan-majikan mereka dan juga ladang-ladang enggan mengupah mereka. Saya berharap tindakan yang sewajar akan diambil untuk memberikan sijil kerakyatan kepada pekerja-pekerja yang telah dibesarkan dan dibesarkan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita memperhatikan dari ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa pelaburan swasta di negara kita kian bertambah dan ini akan dapat mengurangkan kadar pengangguran di negara kita. Akan tetapi saya memperhatikan dengan rasa yang amat membimbangkan yang kadar pengangguran di negara kita di kalangan orang-orang India adalah serius. Menurut Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980), kadar pengangguran di kalangan orang-orang keturunan India telah meningkat dari 11% dalam tahun 1970 ke 12.2% dalam tahun 1975. Saya sungguh-sungguh berharap pembahagian pekerjaan yang lebih saksama di antara kaum-kaum akan diperhitungkan apabila kilang-kilang baru dibuka dalam masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rang Undang-undang Perbekalan 1977, Kementerian Pelajaran menerima peruntukan yang terbanyak sekali—lebih daripada \$1,190 juta untuk perkhidmatan bagi tahun 1977. Ini merupakan satu pelaburan sumber-sumber manusia (human resources) yang baik. Tetapi, saya ingin di sini membangkitkan keadaan sekolah-sekolah Tamil di negara kita terutama sekali sekolah-sekolah yang terdapat di ladang-ladang yang tidak memuaskan sama sekali. Kebanyakan daripada sekolah-sekolah ini mempunyai cuma satu atau dua bilik sahaja dan juga sekolah-sekolah tersebut tidak mempunyai kemudahan-kemudahan yang munasabah serta kakitangan-kakitangan yang terlatih. Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah murid-murid yang belajar di sekolah-sekolah seumpama itu dapat menyaingi dengan murid-murid di sekolah-sekolah yang lebih baik dan

yang dilengkapkan sepenuhnya di bandar-bandar besar untuk mendapatkan pendidikan tinggi. Pelajaran tinggi termasuk kemasukan ke universiti-universiti telah menjadi satu "sore point" di kalangan masyarakat keturunan India baru-baru ini dan saya berharap pihak yang berkenaan akan memberi layanan yang adil kepada semua orang yang memohon untuk mendapatkan tempat-tempat di Instituti-institusi Pelajaran Tinggi dan juga di universiti-universiti di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memberi ketutamaan untuk perkhidmatan sosial dalam belanjawan negara. Tetapi, perbelanjaan untuk keselamatan negara hendaklah diberi priority yang pertama. Saya bersetuju dengan peruntukan yang diberi untuk keselamatan negara iaitu 23% atau \$1,452 juta yang mana bertambah 12% dari anggaran sebenar 1976. Dalam masa negara menghadapi ancaman yang hebat daripada komunis dan anasir-anasir anti-national, peruntukan ini sewajarnya diperbesarkan lagi. Tanpa keadaan keselamatan negara yang tenteram dan aman, perkembangan dan pertumbuhan ekonomi tidak boleh dicapai seperti dijangkakan.

Di samping menyambut belanjawan 1977 dengan harapan yang baik, maka rakyat mestilah menyedari dan memberi sumbangan bagi mengekalkan kestabilan negara dan bagi mengujudkan suasana pelaburan dan pertumbuhan ekonomi yang tidak diganggu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan pula, mestilah memastikan agar tidak berbangkit sebarang kekeliruan terhadap susunan pelaburan dan juga hendaklah memastikan agar pertumbuhan ekonomi tidak berlaku dengan begitu cepat sehingga mengujudkan suasana spekulasi yang akan menyebabkan tekanan ekonomi kepada sebahagian besar rakyat dan hanya menguntungkan golongan kecil.

Tuan Yang di-Pertua, I feel there is no uncertainty now about the bright prospects for the days ahead. Negara-negara industri akan tetap bertambah maju yang mana berarti there will be a sustained demand for our raw materials. Kita berharap pertumbuhan ekonomi sekadar 9% dalam tahun 1977 dan saya yakin kita boleh mencapai lebih daripadanya. Sekurang-kurangnya kita boleh mengurangkan keadaan inflasi kerana Belanjawan kita will help to ensure it.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokan selama 15 minit.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 4.35 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.00 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

*5.00 ptg.*

**Tuan Syed Omar bin Syed Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh Bil Perbelanjaan bagi tahun 1977 dengan menyatakan beberapa perkara yang belum disentuh lagi oleh sahabat-sahabat saya, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya patuh kepada pesanan Tuan Yang di-Pertua supaya tidak lagi menyebut perkara-perkara yang sudah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kerana menjimatkan masa dan lain-lain sebab. Dalam pada itu ada dua tiga perkara sahaja yang saya hendak sebut yang pada anggapan saya belum disentuh secara menyeluruh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, rakan-rakan saya.

Perkara yang pertama ialah masalah penyeludupan di negeri-negeri yang menjadi sempadan kepada negara sahabat kita iaitu Thailand yang pada anggapan saya masih belum dapat dikatakan memuaskan. Sungguhpun tangkapan-tangkapan terhadap penyeludupan ini sering kali didengar melalui radio, talivisyen, akhbar dan sebagainya namun begitu penyeludupan ini masih boleh dikatakan berleluasa. Perkara penyeludupan ini kalau ditanya pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, mungkin Menteri yang berkenaan menjawab pihak Kementeriannya sudah membuat persediaan iaitu Polis, Tentera, Imigresen dan lain-lain lagi sudah ditambah bilangan pegawai-pegawainya tetapi penyeludupan ini masih juga tidak berkurangan. Bukan sahaja penyeludupan ini dilakukan terhadap dadah, senjatapi, beras dan lain-lain tetapi di waktu yang akhir-akhir ini penyeludupan dilakukan oleh pihak-pihak anti-national kita hatta kepada wanita-wanita muda dan cantik. Inilah menunjukkan satu bukti bahawa pihak yang bertanggung-jawab, iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak mengambil inisiatif yang sungguh-sungguh untuk mencegah penyeludupan ini. Kalau senjatapi, dadah, beras dan lain-lain lagi boleh disembunyikan dalam beg, guni,

tong dan sebagainya tetapi wanita-wanita muda dan cantik ini bagaimana hendak disembunyikan, dalam pada itupun penyeludupan ini telah dapat dilakukan. Inilah yang saya kata bukti yang nyata bahawa pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri masih belum dapat menepuk dada mengatakan bahawa kakitangan, pegawai-pegawai dan pihak-pihak yang berkenaan telah mengambil daya usaha dan inisiatif yang bersungguh-sungguh. Dalam hal ini, saya sekali lagi menyeru pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam menubuhkan RELA umpamanya bagi membantu pihak Pasukan Keselamatan menjadi mata-telinga kepada Kerajaan patut diawasi, kerana saya tidak pula menuduh tetapi saya bimbang dan menaruh syak wasangka bahawa mungkin ada di dalam anggota-anggota RELA ini yang memandang sepi atau boleh jadi bersubahat dengan pihak-pihak penyeludup.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contohnya, pada satu malam saya telah pergi ke satu lorong yang dikenai dengan jalan kecil untuk penyeludup-penyeludup lalu. Saya meminjam sebuah kereta kawan kerana melindungi daripada mata orang ramai daripada dikatakan kereta Yang Berhormat Senator. Saya masuk ke lorong atau jalan itu lebih kurang 6 atau 7 batu, berjumpa dengan ahli-ahli daripada Pasukan RELA tetapi mereka memandang sepi ke kereta itu dan saya cuba membuat sesuatu perkara yang boleh disyaki tetapi mereka juga tidak mengawasi saya dan tidak menahan kereta saya dan saya balik melalui jalan itu pada pukul 2 malam langsung tidak ada sesiapa sahaja yang menahan kereta saya. Kalau saya menjadi seorang penyeludup maka kereta saya boleh diisi dengan heroin, dadah, beras, senjatapi dan sebagainya dan dapat selamat balik ke Kangar dengan memuat barang-barang yang ditegah atau diharamkan itu. Dengan kerana itulah sekali lagi saya menyuarakan kepada pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam masaalah menubuhkan Yunit-yunit RELA ini patut diawasi dan Ketua-ketua Yunit RELA ini patut diberi kursus dan ahli-ahli RELA ini juga patut dipilih daripada orang-orang yang betul taat setia kepada negeri ini dan betul hendak berkhidmat mencegah daripada berlakunya sebarang anasir-anasir yang tidak diingini dan betul-betul menjadi mata dan telinga kepada Kerajaan.

Perkara kedua, ialah berhubung dengan bantuan kepada negeri-negeri yang mundur. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak

Kerajaan kerana telah menyuarakan suatu bantuan yang agak boleh dibanggakan terhadap negeri-negeri yang mundur dan kurang maju dan telah disuarakan bahawa negeri-negeri ini perlu dihantar beberapa pegawai-pegawai mahir. Dalam menghantar pegawai-pegawai yang mahir ini, saya perlu menyuarakan bahawa kedatangan pegawai-pegawai yang baru keluar daripada universiti yang baru bekerja, yang kurang pengalaman, janganlah pihak Kerajaan menghantar pegawai ini sungguhpun mahir tetapi kurang pengalaman dan biasa terjadi perkara ini di dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua dahulu bahawa beberapa perkara telah terbengkalai kerana pegawai-pegawai yang muda, yang baru bekerja, yang kurang pengalaman ini. Di samping itu pula ada beberapa pegawai-pegawai yang telah mahir kerana kenaikan pangkat ditukarkan kepada negeri-negeri yang lebih maju. Ini pun telah menjadi masalah kepada negeri-negeri yang mundur dan kurang maju. Diharap kepada Kerajaan Pusat supaya berhati-hati di dalam menukarkan pegawai-pegawai yang telah berkhidmat lama di negeri-negeri yang kurang maju jangan mudah digantikan dengan pegawai-pegawai yang baru.

Perkara ketiga ialah soal rumah murah yang telah dilancarkan atau diperkatakan oleh Menteri Kewangan. Satu perkara yang saya hendak minta selain daripada apa yang disebutkan oleh saudara saya Yang Berhormat Datuk Syed Hassan daripada Pulau Pinang tentang orang-orang yang mendapat rumah murah ini kadang kalanya ada yang telah mempunyai sebuah atau dua buah rumah sendiri, tetapi berlaku di negeri-negeri yang saya sebutkan kurang maju itu bahawa ada orang-orang yang telah mendapat rumah ini yang tidak mengikut syarat-syarat sebagaimana yang disyaratkan, kononnya \$500 ke bawah tetapi ada orang-orang yang dapat rumah itu yang pendapatannya atau gajinya lebih daripada \$500. Jadi, saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan masalah ini hendaklah diawasi dan patutlah ada satu lembaga penye-larasan (follow-up) kepada negeri-negeri yang membina rumah ini supaya jangan jadi pisang berbuah dua kali.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sungguhpun banyak catitan yang saya hendak bercakap, tetapi saya patuh kepada permintaan Tuan Yang di-Pertua dan itulah sahaja suara yang saya berikan di dalam Dewan ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap dan menunggu adalah seperti berikut:

1. Dr Lim Keng Yaik;
2. Senator Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin;
3. Senator Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamad;
4. Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim;
5. Senator Joseph Unting;
6. Senator Datuk V. Ponnusamy Pillai;
7. Senator General Tan Sri Abdul Hamid Bidin;
8. Senator Oh Siew Aun;
9. Senator Hajjah Tom Saodah; dan
10. Senator Datuk Dr Wee Khoon Hock.

Oleh itu, saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, silalah ringkaskan ucapan dan jangan melebihi daripada 15 minit.

5.12 ptg.

**Tuan Joseph Unting:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sokongan yang penuh kepada usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 13hb Disember, 1976 baru-baru ini. Saya percaya bahawa sebelum daripada saya memberi pandangan dan teguran serta lain-lain, saya menyampaikan ucapan tahniah dan kepujian di atas kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang telah menyediakan satu perbelanjaan yang lengkap dan licin yang dapat diterima oleh rakyat dan tidak menyusahkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkata bahawa dalam Anggaran Belanjaan yang dikemukakan ini bagi pihak rakyat berasa lega sebab beberapa program dan rancangan sedang diatur untuk membaiki taraf hidup rakyat pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sebanyak sedikit berkenaan dengan sekolah-sekolah rendah di seluruh negeri Sarawak. Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak sudah memberi penerangan bahawa budak-budak yang hendak memasuki Darjah I tahun 1977 mulai bulan hadapan menggunakan Bahasa Malaysia. Pada tahun lepas betul juga rakyat di Sarawak ada mempelajari Bahasa Malaysia, tetapi sebenarnya bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia digunakan juga, tetapi tahun yang akan datang seluruh murid-murid Darjah I diajar Bahasa

Malaysia. Tetapi saya khuatir kerana di Sarawak sekiranya sekolah rendah yang berdekatan dengan bandar yakni berdekatan dengan orang-orang Melayu yang pernah mendengar Bahasa Malaysia, tetapi di Sarawak tidak serupa dengan keadaan di Semenanjung kerana di Sarawak tidak ada jalanraya. Yang jauh sekali sekolah-sekolah rendah orang-orang Iban di rumah-rumah panjang ataupun Malanau dan Kayan ramai yang tidak pernah mendengar ataupun berjumpa dengan orang-orang Melayu. Jadi, saya khuatir sekiranya murid-murid di Sarawak tidak lulus dalam Bahasa Malaysia, bagaimana mereka hendak naik ke sekolah menengah atau universiti. Oleh itu, saya meminta kepada Kementerian Pelajaran memberi perhatian kepada sekolah-sekolah rendah di Sarawak sekiranya dapat, lebih baik beberapa orang Iban yang telah beberapa tahun menjadi guru dibawa ke Semenanjung untuk diajar Bahasa Malaysia antara sebulan atau dua bulan, atau kalau dapat guru-guru yang mengajar Bahasa Malaysia di Semenanjung ini lebih baik dihantar ke Sarawak. Tetapi apa yang saya nampak di Sarawak, guru-guru Melayu di sekolah rendah tidak mahu pergi ke luar bandar kerana keadaan di luar bandar di negeri Sarawak bukan seperti Semenanjung, sangat jauh dan sekolah-sekolah rendah itu dikelilingi oleh hutan rimba.

Setelah beberapa tahun kita merdeka tidak pernah saya nampak orang-orang Melayu yang menjadi guru mengajar Bahasa Malaysia mengajar di hulu-hulu sungai ataupun di sekolah-sekolah rendah yang jauh dari bandar. Saya meminta kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya memberi peluang kepada rakyat Sarawak, jikalau guru-guru Melayu di Semenanjung ini suka hendak mengamalkan Bahasa Malaysia kita sebagai bahasa rasmi, guru-guru ini dihantar ke Sarawak untuk mengajar murid-murid di peringkat Darjah I hingga ke sekolah menengah.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua Sekolah Menengah Datuk Abdul Rahman Yaakub di Kanowit mempunyai 32 kelas untuk tahun yang akan datang tetapi bilik darjahnya cuma mempunyai 25 bilik sahaja. Kalau kita perhatikan bagaimanakah caranya murid-murid Tingkatan I, Tingkatan III hingga Tingkatan V hendak duduk di kelas itu kerana tidak cukup. Saya meminta kepada Kementerian Pelajaran mengambil perhatian supaya murid-murid di Sarawak yang belajar

di sekolah menengah dan di sekolah rendah dapat memajukan pelajaran untuk dirinya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundurkan diri saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Kewangan yang telah dapat mengemukakan Rang Undang-undang Perbekalan, 1977.

5.19 ptg.

**Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang ini bagi saya mengemukakan sedikit pandangan saya berhubung dengan Bil Bekalan bagi tahun 1977.

Kepujian patutlah diberikan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana mengemukakan belanjawan yang ringan sahaja, yang tidak memberikan beban berat ke atas rakyat jelata. Tambahan pula, Belanjawan yang dibentangkan pada hujung bulan Oktober, oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu akan menggalakkan pihak swasta melaburkan lebih banyak lagi pada masa akan datang. Beliau dalam ucapannya mengesyorkan supaya diberikan potongan cukai sebanyak \$60 bagi seseorang penduduk dan juga diberi potongan cukai sebanyak \$30 bagi seseorang suri rumahtangga yang tidak bekerja. Langkah yang meringankan beban cukai rakyat ini akan menghilangkan pendapatan Kerajaan sebanyak \$17.4 juta ringgit. Tetapi, sebaliknya cukai excise ke atas beberapa barang-barang letrik telah ditambah.

Walaupun barang-barang luxurious atau mewah atau separuh mewah sahaja yang kena dinaikkan cukai excise, akan tetapi kadar-kadar yang digunakan bagi menentukan erti separuh mewah itu, pada pendapat saya, adalah tidak begitu sewajar dan sesuai sebab barang-barang yang dianggap luxurious atau mewah dahulu, sudah sekarang menjadi barang-barang keperluan sehari-hari yang mesti digunakan oleh orang miskin juga. Bagi orang-orang yang baru berkata potongan cukai tersebut tidak ada erti, kerana cukai excise tambahan ke atas barang-barang macam lampu letrik, cerek letrik, periok letrik, kipas, seterika letrik akan menghilangkan faedah yang didatangkan dari potongan cukai seseorang penduduk dan isteri yang tidak bekerja. Inilah kesulitan yang dihadapi oleh orang-orang yang baru berkahwin dan mendirikan rumah

sendiri. Kesulitan ini, saya rasa Menteri Kewangan dan juga Timbalan Menteri Kewangan mungkin tidak akan memahami, sebab kedua-dua Menteri ini belum kahwin lagi! (*Ketawa*). Jadi, saya mengesyorkan ditarik balik cukai excise tambahan ke atas barang-barang yang dianggap semi-luxurious oleh Kerajaan, atau menambahkan potongan cukai pendapatan.

Berhubung dengan galakan-galakan yang yang patut diberi oleh Kerajaan untuk menarik pelabur-pelabur asing ke negara kita, saya fikir, Kerajaan tidak memberi timbangan yang mencukupi kepada perkara harga petrol dan diesel. Kita sudah kerap kali kedengaran kemungkinan negara kita mengeksportkan minyak mentah dan barang-barang buatan minyak. Kita diberitahu ini akan menghasilkan pendapatan tambahan banyak bagi Kerajaan. Dalam hubungan ini, sukacita saya juga kerana PETRONAS telah berjaya menyelesaikan masalah dengan Syarikat Minyak Antarabangsa dan persetujuan akhir telah pun tercapai. Tetapi soal yang orang ramai tanya ialah mengapa sebagai negara pengeluar minyak, Malaysia masih memaksakan rakyatnya membayar harga minyak yang tinggi?

Pada pendapat saya, adalah salah menganggap minyak petrol dan disel sebagai barang-barang semi-luxurious dalam zaman moden ini. Secara langsung atau tidak, minyak petrol dan disel perlu banyak digunakan dalam perusahaan moden. Misalnya 80% kuasa elektrik dihasilkan dengan menggunakan minyak petrol dan 20% sahaja yang dihasilkan secara hydro iaitu dengan air. Dengan kos minyak petrol yang sudah naik tinggi maka, akibatnya, kos kuasa elektrik memang naik juga. Ini tentu akan membimbangkan pelabur-pelabur yang hendak melaburkan perusahaan-perusahaan di negara ini.

negara yang mengimpot minyak, sedang harga minyak di negara kita adalah tiga kali ganda harga minyak di Amerika Syarikat. Kini adalah masa bagi Kerajaan kita mengkaji pandangan Kerajaan tentang pertambahan harga petrol dan disel. Negara kita pada tahun ini sudah menjadi salah sebuah negara yang mengeksport minyak. Pada tahun 1971 negara kita mengeksport petroleum product \$496 juta, dan mengimpotkan \$565.1 juta, kekurangan sebanyak \$69.1 juta (nett) dan pada tahun 1972, 1973, 1974 dan 1975 tiap-tiap tahun ada kekurangan berjuta-juta ringgit. Tetapi di dalam tahun ini saya fikir akan mendapat perbezaan lebihan (surplus difference) antara hasil eksport dan impot minyak. Dari segi ini saya hendak menyeru kepada Kerajaan bertimbangrasa dengan seriusnya supaya mengurangkan harga petrol dan disel dalam negara ini, jika pengurangan ini tidak mungkin, maka bertimbangrasa juga supaya jangan menambah harga petrol dan disel jikalau negara-negara yang mengeluarkan dan mengeksport minyak (OPEC) membuat keputusan untuk menambah harga minyak pada tahun akan datang. Apakah daya bagi kita memberitahu rakyat kita bahawa mengeksport minyak adalah punca keuntungan wang kedua di negara kita dan harapan yang cerah dalam perusahaan minyak kita, sedangkan rakyat kita terpaksa membayar harga minyak yang tinggi samada secara langsung ataupun secara tidak langsung?

Dengan makanan sebagai keperluan asasi untuk kehidupan, kita harus cuba dengan sehabis-habisnya untuk menjadikannya sebagai bahan barangan yang murah. Malangnya pelbagai tindakan penyekatan terhadap pengimpotan sudah menyebabkan harga makan (misalnya beras, buah-buahan, biskut dan sebagainya) melambung naik dengan tiba-tiba serta menjadikan taraf hidup kita meningkat naik. Perkara ini adalah perasaan

Government should have a task force to identify coastal areas which are suitable for aqua culture and to build up this industry in order to relieve the pressures on fishermen. Oyster, prawn and cockerel rearing coupled with dairy and poultry farming will go a long way towards solving the problem of fishermen.

Oleh sebab masa tidak mengizinkan saya menyetuh akan hal-hal lain, saya hendak

rasa adalah menjadi tanggungjawab saya untuk membawa ke perhatian Kerajaan beberapa masalah-masalah tertentu yang dihadapi oleh beribu-ribu orang di negara kita.

Pertama sekali, ingin saya merujuk kepada keadaan orang-orang India yang tidak mempunyai negeri di negara kita yakni "stateless persons". Telah menjadi satu perkara benar yang orang-orang keturunan

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Saya ingin meminta Menteri yang berkenaan memberi perhatian yang serius dan mendalam terhadap kesulitan-kesulitan yang dialami oleh pekerja-pekerja di ladang-ladang. Jika mereka tidak dapat kerakyatan, mereka tidak akan dapat kerja, dan ini bermakna mereka tidak akan dapat mencari nafkah hidup. Dan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk meneliti setiap permohonan mengikut merit setiap kes.

Adalah menjadi dosa, Tuan Yang di-Pertua, jika mereka disiksa seperti ini. Jika mereka diminta pulang ke India, bagaimana pula mereka hendak pulang. Mereka tidak mempunyai paspot. Mereka dilahir, dan dibesarkan di sini dan mereka akan mati di sini. Jika kita menafikan mereka tempat yang sewajar di dalam negara kita, ke manakah mereka akan pergi, Tuan Yang di-Pertua. Memandang kepada ini, saya minta Menteri berkenaan untuk menimbang dengan simpati setiap permohonan yang diterima daripada mereka yang terlibat ini. Dan jika ini dibuat, imej MIC sebagai partner pengasas Perikatan akan meningkat dan Kerajaan juga akan dipuji kerana belas kesihannya.

Saya juga hendak menyentuh sedikit tentang pengambilan penuntut-penuntut ke dalam institusi-institusi pelajaran tinggi. Saya berharap pengambilan penuntut-penuntut ke dalam institusi-institusi pelajaran tinggi akan mencerminkan komposisi berbilang kaum di negara kita. Ini perlu dilaksanakan supaya penuntut-penuntut tidak merasa keciwa (frustrated). Izinkan saya juga mengambil peluang ini untuk meminta Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk menentukan supaya tenaga kerja (work force) di sektor awam atau swasta mencerminkan komposisi berbilang bangsa negara kita.

Akhirnya sekarang, kita perhatikan dalam pengambilan kakitangan ke dalam perkhidmatan Kerajaan. Bilangan mereka yang diambil tidak mencerminkan komposisi kaum-kaum di negara kita. Di sektor swasta pula, pengambilan pekerja-pekerja juga tidak mencerminkan komposisi masyarakat kita.

Saya berharap perkara ini dapat di atasi dengan beberapa segera dan Kerajaan harus mengeluarkan satu arahan kepada semua pihak yang berkenaan supaya pengambilan pekerja-pekerja mesti mencerminkan komposisi berbilang bangsa negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja pandangan saya dan saya menyokong penuh Budget tahun 1977 ini untuk diluluskan.

5.46 ptg.

**Puan Hajjah Cik Tom Saudah binti Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, Allhamdulillah syukur saya dapat bersama-sama berucap di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang mana memberi peluang kepada saya untuk bercakap dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak-banyak jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah yang telah membentangkan Rang Undang-undang Beianjawan pada 13 haribulan yang telah lepas.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan kita yang baru yang telah memegang jawatan di dalam masa yang singkat maka beliau telah dapat merangkakan Lapuran Ekonomi Negara yang begitu kemas dan teratur yang melibatkan ke semua lapisan samada rakyat yang berada ataupun yang tidak berada. Oleh kerana sudah menjadi tabiat kita manusia bahawa tiap-tiap satu apa pun yang sudah kemas dan teratur itu, mesti ada rungutan-rungutan yang kurang memuaskan dari setengah-setengah golongan-golongan. Oleh itu, saya cuba membawa perhatian di dalam Dewan yang mulia ini pada hari ini mengenai beberapa perkara yang patut kita pertimbangkan. Rungutan-rungutan ini datang dari beberapa orang rakyat di luar bandar yang berpendapatan rendah iaitu mengenai kenaikan cukai alat-alat radio dan TV. Antara rungutan-rungutan ini berbunyi: amboi! mereka berkata, kami hendak merasai nikmat Rancangan Malaysia Ketiga supaya dapat Kerajaan membawa masuk elektrik di luar bandar. Kami hendak merasai nikmat rancangan radio dan TV dan juga alat-alat elektrik. Di sini saya suka membawa perhatian kepada pihak Kementerian Kewangan juga Kerajaan supaya dapat meneliti di dalam perkara yang saya sebutkan tadi.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang disebutkan di dalam cukai iaitu mengenai cukai arak. Saya bersetuju dengan kenaikan cukai arak kerana kita tahu orang yang meminum arak ini adalah orang yang

berada. Kalau kita mengikut di dalam Perlembagaan Malaysia kita iaitu ugama Islam adalah sebagai ugama rasmi dan arak adalah dilarang oleh ugama Islam kita. Jadi saya percaya dengan kenaikan cukai arak tentulah orang-orang yang memelok ugama Islam ini tidak lagi meminum arak. Di dalam Belanjawan ini cukai yang dinaikkan ialah sebanyak 15% dan saya juga bersetuju kalau dinaikkan lagi sebanyak 5% sehingga menjadikan 20%.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kenaikan cukai kepada alat-alat seperti saya sebutkan tadi, saya rasa tentulah Tuan Yang di-Pertua pun tahu tiap-tiap satu pengumuman yang dibuat oleh Kerajaan mengenai kenaikan cukai tiap-tiap satu barang, maka dengan segera pihak peniaga-peniaga telah menaikkan harga barang-barang dengan segera dan tidak bertangguh-tangguh lagi, sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, rungutan-rungutan ini telah dibangkitkan oleh rakyat yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, saya suka menarik perhatian mengenai Kementerian Undang-undang dan juga Jabatan Kehakiman yang mana telah disebutkan oleh Ahli-ahli Dewan ini iaitu mengenai kes-kes dalam mahkamah-mahkamah terlalu banyak tertinggal setengah-setengahnya tergantung sampai dua—tiga tahun. Jadi saya rasa tentulah dengan sebab ketinggalan atau tergantung itu mungkin disebabkan kekurangan hakim. Saya berharap kepada pihak Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan menambah hakim-hakim yang kurang itu di dalam mahkamah-mahkamah di seluruh Malaysia ini, kerana banyak peruntukan yang telah diberi di dalam tahun 1977 ini maka dapatlah menambahkan hakim-hakim dengan seberapa segera.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri Razaleigh Hamzah yang mana telah dapat mengadakan skim pinjaman perumahan sebanyak \$400 juta kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Saya rasa dengan adanya pinjaman ini maka dapatlah rakyat yang berpendapatan rendah menduduki rumah-rumah sendiri di masa akan datang. Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua tahu kita mengadakan Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua Kerajaan kita telah melancarkan rancangan perumahan murah yang banyak di tiap-tiap negeri, tetapi malangnya banyak

rakyat yang berpendapatan rendah tidak dapat menduduki rumah-rumah ini, sebab pemberian itu tidak adil. Di dalam Mesyuarat Dewan yang telah lalu, saya juga telah membangkitkan mengenai rancangan rumah murah. Kalau ada 100 buah rumah yang didirikan permohonan yang datang sampai 300-400 permohonan, itu sebab tidak dapat diberikan kepada rakyat yang berpendapatan rendah dengan sepenuhnya. Oleh sebab itu di masa sekarang ini telah berbangkit di sana-sini masaalah menduduki tanah haram, di tepi-tepi landasan keretapi tanah Kerajaan banyak rakyat yang berpendapatan rendah mendirikan rumah di tempat yang saya sebutkan itu, kerana mereka berharap kalaulah mendirikan rumah di tempat itu tentulah Kerajaan akan memberikan rumah dan tanah itu kepada mereka. Saya berharap supaya dengan adanya skim pinjaman yang dibuat oleh Kementerian Kewangan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini dapat dilantik sebuah Jawatankuasa untuk menyiasat betul-betul di atas orang-orang yang miskin yang tidak ada rumah baru diberi. Ini adalah disebabkan ada orang-orang yang telah mempunyai rumah itu setengah-setengahnya datang membuat permohonan dengan mengatakan tidak mempunyai rumah, rumah yang baru itu dia duduk dan rumah yang lama itu disewakan. Jadi kita tidak mahu kejadian serupa ini berlaku lagi di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi adalah pihak Kementerian Perumahan ini sedar iaitu pihak swasta seperti UDA dan lain-lain telah mengadakan atau mendirikan rumah untuk dijual di satu-satu tempat tanpa mengadakan taliair yang betul. Saya memberi satu contoh sebagaimana yang berlaku di Negeri Kedah sekarang ini iaitu UDA mendirikan rumah hampir-hampir 200 buah, tetapi tidak mengadakan taliair. Pada masa ini rumah-rumah yang berhampiran dengan orang yang berpendapatan rendah murah-murah betul yang dapat sebanyak 100 buah rumah lebih menghadapi kesulitan, kalau turun hujan di dalam masa 2-3 jam banjirlah rumah-rumah yang berhampiran itu. Saya berharap kepada pihak Kementerian Perumahan ini supaya menyiasat betul-betul kalau satu-satu rancangan perumahan hendak didirikan, diadakan taliair dahulu janganlah memberi kesenangan kepada satu puak, tetapi menyusahkan satu puak yang lain. Perkara ini saya tidak mahu berlaku lagi.

Perkara yang keempat, saya suka menyentuh berkenaan dengan Kementerian Penerangan. Saya tahu banyak juga rakan-rakan saya telah mengecam berkenaan dengan Kementerian Penerangan. Saya tidak hendak mengecam, saya hanya hendak menarik perhatian kepada pihak Kementerian Penerangan supaya dapat memerhatikan dan dapat mengkaji semula di atas kedudukan gaji-gaji jawatan pegawai penerangan khas di seluruh Malaysia ini, saya tahu kerana saya telah menjadi pegawai Jabatan Penerangan Khas selama lapan bulan, dan saya tahu setakat mana kedudukan kerja Pegawai Penerangan Khas ini sangat teruk menjalankan tugas-tugasnya kerana hendak memberi penerangan di tiap-tiap negeri.

Oleh kerana saya tahu perkara itu, saya merayu kepada pihak Kementerian supaya mengkaji semula mengenai kedudukan gaji mereka disebabkan gaji yang diberikan kepada pegawai penerangan khas itu terlalu rendah. Sebagaimana saya telah sebutkan tadi adalah berdasarkan kepada pengalaman saya sebagai Pegawai Penerangan Khas. Pada pukul 8.00 pagi kena duduk di pejabat, pada pukul 2.30 petang pula pergi ke kampung-kampung untuk memberi penerangan manakala pada pukul 8.00 malam kami menayangkan wayang gambar serta memberi penerangan—ini menyebabkan badan saya yang gemok ini menjadi kurus. Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya berharap kepada pihak Kementerian supaya mengambil perhatian untuk mengkaji semula tentang kedudukan gaji-gaji itu. Itulah sebabnya yang menimbulkan kelemahan di tiap-tiap negeri mengenai Pegawai Penerangan Khas ini.

Kelima, saya suka menarik perhatian berkenaan dengan keselamatan dalam negeri mengenai perkara jenayah dan rompakan. Di dalam Mesyuarat Dewan yang lepas iaitu pada awal tahun 1976 saya telah membawakan perkara ini kerana perkara ini terlalu banyak terjadi khususnya di dalam Negeri Kedah. Yang Berhormat Menteri telah menjawab sebab-sebabnya ialah kerana kekurangan pegawai-pegawai polis. Saya hendak tahu daripada tahun 1976 iaitu mula-mula kita membahaskan Belanjawan dahulu berapa ramaikah yang dapat diambil pegawai-pegawai Polis tambahan.

Saya rasa tidak ada jalan lain kalau hendak mententeramkan perkara jenayah ini sebab kami negeri Kedah bersempadan dengan negeri Thai selalu berlaku rompakan kereta dan sebagainya malahan kejadian pem-

bunuhan pun ada. Dengan sebab itu saya membangkitkan perkara ini untuk perhatian pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya dapat menambahkan dengan secepat mungkin seberapa banyak lagi pegawai-pegawai polis untuk menjalani tugas-tugas di tiap-tiap negeri supaya dapat mengamankan keadaan di dalam negeri masing-masing.

Satu lagi perkara berkenaan keselamatan jalanraya. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok pada tiap-tiap hari ada sahaja berlaku kemalangan (accident) di jalanraya-jalanraya. Jadi saya berharap kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengadakan undang-undang dan hukuman yang tegas lagi berat kepada pemandu-pemandu lori dan juga penonggang-penonggang motosikal. Pemandu-pemandu lori ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok di belakang lori ada tertulis 35 b.s.j. tetapi lori itu tidak berjalan dengan had laju 35 b.s.j. tetapi sampai selaju 60 b.s.j. Mereka berasa besar, kalau berlanggar orang lainlah mati, mereka tidak kena apa-apa. Saya berharap kepada pihak Kementerian itu supaya dapat mengkaji semula undang-undang lalulintas dan jatuhkan hukuman yang berat kepada pemandu-pemandu yang mencuaikan keselamatan jalanraya. Begitu juga saya berharap kepada pihak Kementerian ini membuat pengumuman segera supaya penonggang-penonggang motosikal memakai topi keledar dengan secepat mungkin. Janganlah ditangguhkan tahun ini—negeri ini; bulan ini—negeri ini, jadi dengan itu banyak lagi rakyat kita mati akibat kemalangan jalanraya.

Saya tidaklah hendak bercakap panjang, dan akhir sekali, saya suka membawa satu perkara. Pada mulanya saya rasa tidak mahu menyentuh perkara ini. Saya sebagai pemimpin yang bertanggungjawab di dalam Dewan Negara ini dan juga bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan ini, sama-sama bertanggungjawab saya bawa perkara ini iaitu mengenai maruah wanita.

Beberapa hari yang lepas rakan saya ada menyebut berkenaan dengan ratu cantik. Tetapi pada hari ini saya akan sebut perkara kelab malam iaitu tarian-tarian lucah. Saya rasa perkara ini pun menjadi tanggungjawab kita bersama, kenalah kita mengambil peranan dan bercakap dalam Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya memberikan contoh di negeri Kedah. Di negeri Kedah bukan ada pekan besar, kecil sahaja

tetapi ada juga kelab-kelab malam yang mengadakan tarian-tarian lucu itu. Mujurlah juga pihak Kerajaan Negeri Kedah telah melantik saya menjadi Pegawai Penyiasat, maka dengan itulah saya mendapat tahu. Saya tidak mahu sebutkan di dalam Majlis ini—seumur hidup saya, saya tidak pernah melihat begitu. (Ketawa) Dengan kerana saya menjadi ahli Jawatankuasa Penyiasat saya dapat melihat bersama perkara yang telah dibuat itu. Dengan sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, pihak wanita Negeri Kedah telah membuat bantahan kepada Kerajaan Negeri Kedah supaya diharamkan tarian itu. Alhamdulillah, selama dua tahun kami berjuang sekarang ini tarian itu telah diharamkan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini seorang Menteri Muda (Wanita) dari negeri Sarawak telah datang ke Semenanjung Malaysia, Beliau telah menyebutkan yang mereka baru sahaja duduk di dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak telah membuat bantahan supaya tarian itu diharamkan juga di negeri Sarawak. Jadi saya haraplah pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan dapat mengkaji perkara ini sedikit demi sedikit supaya dapatlah kita hapuskan benda-benda yang diharamkan oleh ugama kita.

Jadi itulah harapan saya, dan saya rasa banyak orang-orang yang akan menegah berkenaan dengan perkara ini. Kalau wanita tidak menyebut tentang perkara ini maka orang lelaki tidak sama sekalilah hendak sebut. Jadi itulah yang saya bawa di dalam Dewan yang mulia ini agar mendapat pertimbangan supaya sedikit demi sedikit kita dapat menjaga hak maruah wanita kita di seluruh Malaysia ini.

Itulah sahaja pendapat dan pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, dan saya berharap supaya tiap-tiap Kementerian dapat menjalankan tugasnya dengan tulus ikhlas untuk kemajuan dan kejayaan negara kita. Sekali lagi saya menyokong penuh Rang Undang-undang Belanjawan ini.

6.06 ptg.

**Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dan menyokong Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan. Saya berharap teguran-teguran yang dibuat di dalam Dewan Negara ini bukan sahaja akan diberi jawapan oleh Yang Berhormat Menteri-menteri tetapi juga akan disalurkan kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan sampai ke peringkat

bawah supaya diambil perhatian oleh tiap-tiap Kementerian.

Jadi jangan apa yang kita cakap habis di sini sahaja. Perkara ini akan sampai sehingga ke bawah dan mendapat kesan yang lebih pada masa yang akan datang iaitu teguran-teguran yang membina.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana cadangan beliau untuk memberi \$400 juta kepada peruntukan perumahan. Tetapi saya rasa angka ini pada mulanya sebagai kecil sebanyak \$60 juta untuk tahun ini dan \$80 juta, untuk tahun depan. Bagi tahun ini cuma \$140 juta, tiap-tiap negeri dalam Malaysia akan dapat lebih kurang pukul rata \$10 juta. Itu tidak memadai. Saya harap angka ini akan dibanyak lagi jikalau kita dapat daripada saluran minyak nanti, melalui income tax ataupun daripada PETRONAS, wang itu akan diberi priority untuk housing. Dan angka \$400 juta ini saya harap boleh dinaikkan sampai \$1,000 juta kalau dapat diadakan sehingga tahun 1980.

Berkenaan dengan satu pengumuman yang dibuat oleh Timbalan Menteri Kewangan pada 4hb Disember, 1976 ini berkenaan strict enforcement of penalty daripada 1hb Januari—pay up taxes or pay more. Saya rasa pengumuman yang dibuat oleh Timbalan Menteri Kewangan ini agaknya berat sedikit untuk penduduk-penduduk Malaysia ini terutama sekali mereka yang menjalankan perniagaan sebab cara kita membayar cukai daripada tahun 1948 sehingga hari ini ialah dengan cara beransur-ansur. Jadi apa yang dibuat oleh Timbalan Menteri Kewangan akan memberi amaran iaitu mulai 1hb Januari, 1977 jikalau kita tidak bayar dalam masa sebulan kita akan dikenakan penalty terpaksa bayar 10% pada tiap-tiap cukai yang kita tinggalkan.

Ini saya rasa satu penalty ataupun satu hukuman yang amat berat kepada semua sekali orang-orang perniagaan dalam Malaysia yang tidak patut diadakan, sebab masa yang diberikan untuk warning itu cuma 4 minggu sahaja. Jika amaran begini hendak dibuat ataupun cara begini hendak ditukarkan, sekurang-kurangnya Kementerian yang berkenaan patutlah memberi masa sekurang-kurangnya setahun, jadi dapatlah orang-orang yang berniaga itu membuat sesuatu cara-cara membayar wang ini. Dan satu daripada cara-cara yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan

Menteri Kewangan ialah katanya \$920 million yang belum dibayar Income Tax oleh beberapa buah syarikat ataupun orang-orang perniagaan dalam negeri ini tetapi apa yang saya tahu, figure ini ataupun jumlah ini ialah estimated figure yang diassesskan oleh pegawai-pegawai Income Tax bukan actual figure. Satu perkara yang saya takut, bila Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat kenyataan begini, orang-orang dalam Jabatan Hasil Dalam Negeri, nanti lebih berkeras lagi dengan orang-orang berniaga yang mengakibatkan kepada kedudukan ekonomi kita, jadi orang-orang berniaga nanti takut, susah untuk membuat adjustment dan sebagainya. Saya harap Kementerian Kewangan akan menarik balik atau melonggarkan restrictive order yang dibuat untuk perkara ini.

Saya ada beberapa perkara hendak bercakap mengenai Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Satu, berkenaan dengan banning of two newspapers dalam negeri Sabah yang telah ditutup oleh Kerajaan Sabah, tetapi mengikut Federal Constitution, kuasa-kuasa itu adalah di dalam tangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berhubung dengan Ninth Schedule—Legislative Lists, di bawah Fasal 21 menyatakan:

Newspapers; publications; publishers printing and printing presses. Kuasa ini tertakluk di bawah Kementerian Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Saya harap kuasa ini tidak boleh diberikan kepada sesiapa pun, kalau diberikan, boleh ditarik balik. Saya harap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan melihat perkara ini dan membetulkannya. Sebab, sebagaimana rakan-rakan saya bercakap semalam, kita berkehendakkan benar-benar kepada kebebasan suratkhbar, sehinggakan suratkhbar dalam negeri kita hari ini tidak ada membawa berita-berita yang luar biasa sehingga terpaksa beli dari black market suratkhbar yang dicap daripada negeri-negeri asing. Ini satu kedudukan yang tidak berapa healthy. Saya harap Kerajaan akan memberi kebebasan yang lebih kepada suratkhbar supaya kita tidak payah pergi ke luar negeri untuk mendengar berita dalam negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Police brutalities dalam negeri Sabah. Saya telah bercakap berkenaan dengan hal ini pada masa yang lalu. Dan saya rasa tidak ada negeri dalam Malaysia yang dapat bersama dengan negeri Sabah tentang kezaliman yang

dilakukan oleh pegawai-pegawai Polis yang tertentu. Bila saya membuat tuduhan pada masa yang lalu, saya ada senarai nama-nama orang yang terlibat yang telah badannya dibakar, badannya dipukul, ditendang dan dibuat bermacam-macam. Saya membuat rayuan kepada Kementerian yang berkenaan untuk menghantar beberapa orang pegawai yang tidak diketahui oleh pegawai-pegawai Polis Negeri Sabah untuk menyiasat dan melihat, tanya kepada orang, atau datang kepada saya sendiri supaya saya dapat memberikan nama-nama orang ini supaya perkara begini tidak akan terjadi dalam negeri kita di mana kalau ditangkap, dipukul sampai setengah mati, ada yang mati dalam penjara; ada yang saya dengar beberapa orang pegawai Polis ludah dilantai, kemudian di suruhnya orang itu jilat. Kalau tidak jilat, dipukul. Inikah Malaysia? Inikah Perlembagaan yang menjamin hak asasi manusia itu ada di dalam Perlembagaan kita? Saya amat sedih melihat perkara ini terjadi dalam negeri kita. Ini satu perkara yang luar biasa yang patut pihak yang berkenaan mengambil berat sedikit, sebab kita datang di sini bercakap dan bila kita bercakap, kedudukan kita sendiri pun merbahaya, sebab ada barangkali pegawai Polis untuk mencari jalan membalas dendam, tetapi yang mustahaknya kita terpaksa bercakap, sebab kita adalah sebagai ganti conscience of the people of this country.

Di sini saya suka sebutkan sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kelakuan setengah-setengah pegawai Polis dalam negeri Sabah. Saya tidak menyebutkan nama orang-orang yang dituduh, sebab harus ada pihak yang akan membalas dendam kepada mereka. Ada seorang dikatakan dia tengah berjalan hendak pergi ke Travel Control Office kerana melawat adik-beradiknya datang daripada Filipina. Dua orang pegawai CID menangkapnya dan membawanya untuk disoal dan bertanyakan kepadanya nama-nama dua orang yang sedang berdiri di tepinya, orang-orang tadi disuspectkan, dituduh menjual sebuah typewriter yang dicuri, tetapi dia tidak kenal siapa yang berdiri di tepinya dan dia tidak kenal siapa orang itu. Dia dipukul hingga keluar darah daripada mulutnya dan badannya dipukul oleh tiga orang Inspector dan dia ditahan di Police Station dua hari dua malam. Dan diberikan nama di sini tiga orang Inspector yang memukulnya. Perkara yang begini boleh disiasat dan saya ada di sini list tidak

kurang daripada 14 orang dan saya ada gambar-gambar setengah orang-orang yang dipukul tadi.

Saya juga mengambil peluang ini untuk bercakap sedikit sebanyak mengenai corruption. Suratkhobar yang dikeluarkan hari ini, kelmarin dalam Dewan Undangan Negeri Sabah menyebutkan, "Sabah Lantik Perunding untuk Sabah Air" yang dikeluarkan dalam suratkhobar *Utusan Malaysia*. Di sini disebutkan:

"Kerajaan Negeri Sabah telah melantik sebuah Firma Perunding—Aviation Consultants Sendirian Berhad dari Kuala Lumpur untuk membuat syor mengenai organisasi dan pentadbiran Penerbangan Sabah Sendirian Berhad atau Sabah Air. Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh ketika menjawab soalan dari Datuk Zulkifli bin Abdul Hamid di Dewan Undangan Negeri hari ini berkata bahawa perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dibuat oleh syarikat itu hingga 30hb November yang lalu berjumlah \$130,000. Katanya, syarikat tersebut telah membuat syor-syor mengenai keperluan kakitangan-kakitangan dan tenaga manusia bagi gerakan-gerakan masa depan Penerbangan Sabah Sendirian Berhad."

Saya tidak mahu panjangkan perkara ini dan sekarang saya suka beri kenyataan tentang Aviation Consultants Sendirian Berhad yang dilantik sebagai perunding oleh Kerajaan Sabah itu.

Aviation Consultants Sendirian Berhad yang ahli-ahli sahamnya terdiri dari empat orang dan Ibu Pejabatnya bertempat di Tingkat 3, First National City Bank, Medan Pasar, Kuala Lumpur. Nombor Sijil Pendaftaran ialah 500/75 dan didaftarkan pada 5hb Mac, 1975. Nama dan alamat keempat orang pemilik syarikat itu ialah:

- (1) Harris bin Mohd. Salleh,  
Likas B, Kota Kinabalu,  
Sabah.
- (2) Bhupinder Singh,  
No. 10, Persiaran Jelutong,  
Damansara Height,  
Kuala Lumpur.
- (3) Baldip Singh,  
(seperti (2) di atas).
- (4) Frank Earnest Johnson,  
No. 1, Jalan Taman Duta,  
Kuala Lumpur.

Dan paid-up capital \$4.00.

Ini sebuah syarikat yang dilantik oleh Kerajaan Sabah di mana Ketua Menteri yang menjadi shareholder ataupun sekurangnya menubuhkan syarikat ini daripada mulanya. Di mana duduknya keadilan dan di mana duduknya perkara-perkara penyelewengan? Ini saya harap akan disiasat oleh pihak-pihak yang tertentu dan saya harapkan ada orang yang mengatakan tidak ada bukti itu, bukti ini, sebab semua perkara ada di sini. Saya tidak mahu panjangkan dalam hal ini, cuma saya harap pihak-pihak yang tertentu akan mengambil berat berkenaan dengan hal ini.

Saya juga mengambil peluang ini untuk membawa ke pengetahuan Kerajaan Pusat akan kedudukan yang sebenarnya dan kemusykilan serta kesengsaraan yang dihadapi oleh sebilangan besar daripada rakyat di negeri Sabah pada hari ini. Lapan bulan setelah Kerajaan sekarang memerintah, tidak ada satupun perubahan yang ditunjukkan kepada negeri dan rakyat, kecuali beberapa orang ahli-ahli politik yang ternama, sanak saudara, adik-beradik dan sahabat handai mereka sahaja yang benar-benar mendapat tebu rebah berikutan dengan pemberian dan pembahagian kawasan kayu balak. Sebahagian daripada kawasan-kawasan kayu balak itu yang telah dirampas secara paksa daripada tuanpunya-tuanpunya yang sah dari segi undang-undang dan kawasan yang dirampas itu dilantik ajen-agen menjaganya, maka Menteri-menteri pula pergi berjumpa dengan tuanpunya-tuanpunya kawasan kayu balak itu dan meminta mereka membeli kawasan kayu balak itu dengan anggaran lebih kurang \$300 satu ekar. Jadi kalau 50,000 ekar maka jumlahnya akan menjadi \$15 juta dijual dengan secara tidak langsung. Oleh sebab itulah Kerajaan sekarang bercadang untuk membuat satu Headquarters yang berjumlah hampir \$30 juta.

Perkara penyelewengan bukan terletak sahaja di dalam hal kayu balak di mana saya akan sebutkan nama-nama syarikat ini, iaitu:

- |   |        |             |
|---|--------|-------------|
| (1) Syarikat Balong Maju Sendirian Berhad | ...    | 25,000 ekar |
| (2) Ela Pura Maju Sendirian Berhad        | ... .. | 25,000 ekar |
| (3) Gabungan Berjasa                      | ... .. | 25,000 ekar |
| (4) Gabungan Berjasa Keenam               | ... .. | 30,000 ekar |

Jadi jumlah semuanya 450,000 ekar yang diberi kepada adik-beradik Menteri-menteri, sanak saudara Menteri-menteri, adik Menteri itu, nephew Menteri ini, begitulah halnya di-bahagi-bahagikan antara sama-sama mereka dan saya ada penuh list ini.

Satu perkara lagi sebagaimana yang saya bercakap pada masa yang lepas berkenaan dengan sole agency. Mana-mana pejabat Kerajaan yang hendak membeli barang, mestilah membeli melalui syarikat-syarikat yang tertentu dimiliki oleh adik-beradik Menteri-menteri. Mereka ini mendapat 15% daripada apa sahaja yang telah dibeli oleh Kerajaan. Ini sahaja akan merugikan Kerajaan tidak kurang daripada \$20 juta-\$30 juta setahun. Perkara ini tidak terjadi di dalam lain-lain negeri, cuma dalam negeri Sabah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja point yang saya hendak bercakap yang saya rasa amat mustahak ialah baru-baru ini ada pihak yang tertentu yang cuba hendak menginterfere di dalam independence of Judiciary, iaitu hendak campurtangan di dalam soal kehakiman dalam negeri Sabah. Ada satu kejadian yang berlaku di mana beberapa bulan yang dahulu seorang pemuda telah dihukum bunuh oleh Hakim Mahkamah Tinggi di Sabah kerana didapati salah membunuh kekasihnya. Setelah itu satu rayuan telah dibuat kepada Lembaga Pengampunan Negeri (State Pardon Board) yang diketuai oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, tetapi Lembaga Pengampunan Negeri telah menolak untuk meringankan hukuman mati itu daripada yang dituduh. Oleh yang demikian, masa dan tarikh untuk dijalankan hukuman tersebut ditetapkan, tetapi apabila tiba masanya, Hakim Besar itu yang sekarang ini tidak ada kuasa berkenaan dengan hal itu telah menangguhkan hukuman tersebut walaupun beliau memang tahu bahawa perbuatan itu adalah salah di sisi undang-undang. Beberapa hari kemudian, Peguam Negeri Sabah (State Attorney-General) sendiri telah pergi ke penjara bersama-sama dengan satu dokumen yang ditandatangani sendiri dan diberikan kepada Ketua Penjara supaya disemak sekali lagi hukuman tersebut kepada Lembaga Pengampunan Negeri. Maka kes itupun dibawa pada kali kedua kepada Lembaga Pengampunan Negeri dan selepas itu hukuman mati tersebut telah diringankan menjadi penjara seumur hidup. Ini salah dari sisi undang-undang, sebab bila Lembaga

Pengampunan Negeri menolak rayuan itu, hukuman mati tetap diadakan, tetapi Peguam Negeri Sabah dan Hakim sendiri campurtangan untuk meringankan perkara begini. Perkara begini tidak pernah terjadi di mana-mana negeri dalam Malaysia. Setelah itu hukuman itu dikurangkan, dijadikan hukuman seumur hidup. Jadi perkara begini ialah satu interference mengenai independence of Judiciary, campurtangan oleh Kerajaan Negeri melalui Peguam Negeri. Saya harap perkara ini tidak akan terjadi pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini.

6.28 ptg.

**Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 yang sedang dibahaskan sekarang ini.

Baru sebentar tadi Yang Berhormat Datuk Syed Kechik telah bercakap berkenaan dengan negerinya di Sabah, maka saya membawa pula ke negeri saya. Kalau hendak bercakap berkenaan dengan perkara lain tentulah telah dicakapkan iaitu terutama sekali berkenaan dengan rancangan ataupun perisytiharan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan berkenaan dengan pinjaman kepada yang berpendapatan rendah, maka ini sangatlah sesuai bagi negeri Perlis dengan keadaan rumah-rumah yang berharga \$6,000 atau \$12,000. Apa yang diharapkan dalam soal ini, pertama sekali ialah negeri Perlis akan mendapat peruntukan yang lebih di dalam rancangan perumahan murah ini dan kita percaya kemudahan-kemudahan atas pinjaman ini akan diberikan oleh pihak yang berkenaan.

Berkenaan dengan peruntukan yang telah diberi kepada negeri Perlis di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini kita mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah memberikan peruntukan yang sebegitu besar bagi negeri Perlis dan telah pun dicakapkan oleh Yang Berhormat Tuan Syed Omar, saudara saya daripada negeri Perlis juga tadi dalam soal ini. Saya hanya menyentuh berkenaan dengan peruntukan luar bandar yang selalu diberi kepada negeri Perlis. Peruntukan-peruntukan yang diberi selalunya pada pertengahan tahun. Keadaan di negeri Perlis pada masa peruntukan itu diberi pada pertengahan tahun, keadaannya tidak dapat berjalan kerana musim hujan.

Saya harap kepada pihak Kementerian Kewangan supaya peruntukan-peruntukan yang diberi kepada negeri Perlis ini dapat diberi pada awal tahun dan pada masa itu mudahlah dijalankan rancangan-rancangan ini, kerana keadaan rancangan-rancangan kecil untuk membuat jalan-jalan dan penaburan batu-batu di negeri Perlis dapatlah dijalankan pada bulan Januari hingga Jun. Tetapi kalau peruntukan itu diberikan pada bulan Julai maka keadaannya tidaklah dapat dijalankan dan kadang-kadang sehingga kepada akhir tahun tidak dapat dibelanjakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berkenaan dengan RELA. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini khasnya saya tujukan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Shariff Ahmad yang mana dengan daya usahanya yang begitu giat sekali berkenaan dengan RELA ini dan saya percaya beliau akan melawat ke tiap-tiap negeri untuk memberi penerangan dan berjumpa dengan ahli-ahli RELA ini.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli-ahli RELA di negeri Perlis yang telahpun mengorbankan dan berjasa di atas beberapa perkara yang memangnya berlaku di negeri Perlis ini, yang mana kita tidak dapat menafikan bahawa keadaan kominis, penyeludupan dan jenayah, maka negeri Perlis sungguhpun kecil tetapi berhampiran dengan Thailand, maka keadaan-keadaan penyeludupan kominis dan lain-lain sebagaimana yang saya sebutkan tadi memanglah selalu berlaku di sini bagaimana yang kita selalu dengar.

Suka saya menyatakan di sini berkenaan dengan RELA, sungguhpun diberi senapang-senapang patah, tetapi tersangatlah kurang pemberian itu. Maka kita berharap kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya dapat berikhtiar dan memberi lebih senapang-senapang patah ini kepada anggota-anggota RELA yang ada di negeri Perlis kerana keadaan yang berlaku hari ini, kita tahu segala tentangan-tentangan yang hebat dari pihak-pihak musuh tadi boleh dikatakan pada masa sekarang ini mereka bermaharajalela untuk menggunakan senjata-senjata ini. Sungguhpun RELA ini menjadi mata telinga atau menghubungkan perkhabaran kepada pihak Pasukan Keselamatan tetapi ada kalanya pihak-pihak ini juga mengawasi dengan lebih ketat di dalam soal-soal yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kedudukan RELA di negeri Perlis pada masa ini boleh dikatakan ada 2,000 yunit yang mana tiap-tiap satu yunit mempunyai 10 orang dan waktu ini ada lebihkurang 20,000 yang telah didaftarkan maka kedudukan pegawai-pegawai kawasan yang ada pada hari ini sebanyak 3 orang yang mengawasi sebanyak 20,000 orang, maka ini tidaklah dapat mengawasi dengan begitu baik. Oleh itu saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan agar dapat menambahkan pegawai-pegawai kawasan ini ke negeri Perlis. Dengan pertambahan ini juga kita berharap dapat juga memberi peluang kepada wanita-wanita kerana banyak juga wanita-wanita di sana yang memasuki anggota RELA ini.

Satu perkara lagi yang saya suka menarik perhatian ialah berkenaan dengan Pegawai Negeri, Pegawai Negeri ini dikuasai oleh seorang sahaja yang duduk di negeri Kedah yang mana Kedah dan Perlis dikuasai oleh seorang Pegawai Negeri yang mentadbirkan RELA. Keadaan yang begini tentulah tidak memuaskan sungguhpun negeri Perlis itu kecil sebagaimana yang saya sebutkan tadi, tetapi beberapa perkara kerana negeri Perlis itu berhampiran dengan negeri Thai dengan sebab itu apa yang saya harap supaya seorang Pegawai Negeri dapat diberikan ke negeri Perlis untuk mentadbirkan negeri Perlis. Perkaranya ini selalu berbangkit.

Sukalah saya menerangkan di sini berbangkitnya baru-baru ini kerana satu lawatan daripada Yang Berhormat Datuk Shariff Ahmad ke negeri Perlis pada bulan yang lalu untuk berjumpa dengan Ketua Yunit RELA di negeri Perlis mengenai kursus yang diadakan di negeri Perlis. Amat dukacita di dalam kursus tersebut kerana Setiausaha Kerajaan Negeri yang menjadi Pengerusi RELA Negeri ini dan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan tidak dijemput di dalam kursus itu untuk membuka kursus yang diadakan pada bulan yang lalu, begitu juga Wakil-wakil Rakyat tidak juga dijemput, seterusnya Jawatankuasa Keselamatan Dalam Negeri juga tidak tahu masaalah ini. Itulah sebabnya seperti yang saya sebutkan tadi pentadbiran yang ada di negeri Kedah itu tentulah tidak terkawal, kerana negeri Kedah pun berlipat ganda ada ahli-ahli RELA yang tidak terkawal dengan seorang ketua sahaja untuk mengawal RELA ini. Itulah sebabnya dikehendakki seorang pegawai RELA Negeri diadakan bagi negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan malapetaka yang selalu menjadi-jadi, iaitu banjir. Sungguhpun malapetaka banjir ini berlaku di lain-lain negeri Kelantan, Trengganu pada masa sekarang ini, tetapi tentulah ada keadaan-keadaan yang berlaku malapetaka banjir ini bagi negeri masing-masing. Bagi negeri Perlis malapetaka ini berlaku setelah dikaji maka didapati keadaan perjalanan air sungai langsung tersekat. Dengan sebab itu banjir yang berlaku di negeri Perlis tahun ini adalah satu banjir yang besar yang belum pernah berlaku, hanya berlaku dalam masa 20 tahun yang lalu. Keadaan itu telah pun menjadi kerugian kepada rakyat dan juga kepada Kerajaan. Setelah dikaji maka didapati keadaan sungai yang ada di negeri Perlis adalah sempit dan cetek yang mana daripada kuala dan pekan hanya 7 batu, pada masa dahulu dapat dimasukki oleh tongkang dan kapal-kapal kecil, tetapi pada hari ini hendak dilalui motor-bot pun tidak boleh. Dengan sebab itu dikehendaki supaya Kerajaan Pusat dapat memberi pertolongan kewangan untuk mengorek sungai yang telah lama tidak dikendalikan supaya dapat diperdalamkan dan diperbesarkan supaya keadaan bandar Kangar di negeri Perlis ini tidaklah menjadi malapetaka sebagaimana yang berlaku pada tahun yang lalu.

Saya suka juga menyentuh sedikit berkenaan dengan kedudukan Kementerian Pengangkutan. Kementerian Pengangkutan ini jika kita lawati tentulah kita dapati sungguh mendukacitakan sekali keadaan kedudukan Kementerian ini. Pada masa dahulu ia ditempatkan di Jalan Gurney dan kedudukannya boleh dikatakan baik, tetapi Kementerian ini telah dipindahkan ke Jalan Tun Ismail dan menumpang di bangunan Jabatan Kerjaraya yang tidak begitu memuaskan, keadaannya kucar-kacir dan berbagai-bagai perkara telah berlaku dan akhir-akhir ini pula berpindah pula ke satu tempat yang lain. Keadaan begini menyusahkan. Kalau pindah ke tempat yang baik tak mengapa tetapi keadaan sekarang sungguh mendukacitakan sekali terutama bilik pegawainya pun tidak begitu baik iaitu berkecamuk dan talipon yang disambungkan tidak sempurna. Keadaan sebuah Kementerian yang begini sungguh mendukacitakan. Kita berharap dapat perhatian Kerajaan supaya kedudukan Kementerian ini begitu baik. Kalau kita pergi di tempat itu, sudahlah tidak ada tempat duduk

langsung kerana bangku panjang hendak diadakan disitu, lebih-lebih lagi untuk berjumpa pegawai tidak ada kerusi untuk duduk. Bagaimana pegawai-pegawai Kementerian boleh berkerja dan memikirkan masalah Rancangan Malaysia Ketiga jika keadaan mereka itu duduk pun tidak begitu selesa dengan keadaan bilik mereka itu yang kertas-kertas telah diterbangkan oleh angin dengan adanya kipas-kipas begitu sahaja. Saya harap mendapat perhatian Kerajaan dalam perkara ini.

Sekarang saya menyentuh mengenai Keretapi. Kita tahu baru-baru ini telah diumumkan oleh Pengurus Besar Pentadbiran Keretapi telah mendapat keuntungan. Sekarang ada pula pelancaran keretapi yang baru iaitu Express Rakyat dari Butterworth ke Singapura. Tetapi keretapi itu malang sedikit tidak berjalan sampai ke Perlis. Sambungan keretapi itu patut diadakan supaya rakyat negeri Kedah dan Perlis dapat kemudahan yang baik. Sambungan keretapi itu yang berjalan pada 8.30 pagi kalau boleh biarlah diadakan satu relkar ke Kedah bertolak dari Alor Star ke Butterworth supaya diadakan hubungan terus antara relkar dengan Express Rakyat dan ini boleh menolong dan menguntungkan rakyat kedua buah negeri itu. Waktu malam perjalanan keretapi itu tak tentu, kalau dapat diadakan perhubungan daripada Alor Star maka tentulah dapat rakyat yang tidak begitu jauh dari Kedah akan menikmati kemudahan yang sama, jika sekiranya dapat diperuntukan relkar untuk menyambungkan perjalanan keretapi itu kerana kita tahu di dalam Rancangan Malaysia Ketiga tentulah perkara kemudahan ini akan dapat memberi pertolongan kepada pihak yang memerlukan.

Saya menyentuh berkenaan Kementerian Perusahaan Awam. Lebih dulu saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri berkenaan dan Setiausaha Parlimen berkenaan yang telah mengambil daya usaha yang ber-sungguh-sungguh memperjuangkan nasib bumiputra, terutama baru-baru ini saya dapat tahu mengenai pemborong beras Kedah dan Perlis. Begitu juga daya usaha dalam perkara lain. Jadi apa yang diharapkan untuk mengatasi penyeludupan telah diadakan perjumpaan antara pemborong Kedah dan Perlis dan keputusannya bekerjasama dengan pemborong yang pada masa dahulu menyeludup beras dari Thailand. Tetapi atas

kerjasama dan akuan-akuan yang telah diberi oleh Menteri berkenaan untuk menolong bumiputra, penyeludupan yang buruk dahulu boleh dikatakan berkurangan.

Mengenai bantuan oleh L.P.N. juga kita ucapkan terima kasih. Mengenai kedudukan L.P.N. di Utan Aji, Perlis yang baru ini ditenggelamkan oleh air dan mendapat kerugian yang begitu besar, kita harap jika buat projek berkenaan dengan kilang-kilang yang besar begitu patutlah dibuat di tempat yang sesuai, yang tinggi tidak ditenggelami air dan tidak mendatangkan kerugian besar. Bersangkutan dengan tenggelamnya padi di situ kita dapat tahu hanya tiga-empat guni sahaja, tetapi penjualannya dijual kesemua sekali. Saya juga difahamkan penjualan padi itu kepada perseorangan dan tidak ditender dan berlaku juga padi itu dijual balik kepada L.P.N. di tempat lain. Perkara ini patut diawasi supaya tidak berlaku lagi pada masa akan datang.

6.46 ptg.

**Jeneral Tan Sri Abdul Hamid bin Bidin:**

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih oleh sebab memberi peluang kepada saya bercakap sepatah dua kata pada petang ini.

Saya mengambil peluang ini memberi setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan bagi tahun 1977. Saya sokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 yang mana saya percaya telah disediakan dengan begitu teliti, jelas dan juga telah meliputi segala aspek ekonomi untuk kepentingan pembangunan negara dan dorongan untuk meninggikan lagi taraf hidup rakyat seluruhnya.

Di sini saya suka menyentuh sedikit sahaja aspek iaitu berkenaan dengan peruntukan Kementerian Pertahanan. Sebagaimana kita semua maklum Pasukan Keselamatan telah-pun diperbesarkan. Tambahan ini pada fikiran saya menunjukkan besarnya masalah dan cabaran yang dihadapi oleh mereka.

Sebagai seorang bekas perajurit, saya suka melihat perkembangan ini terus berlaku. Tindakan membesarkan Pasukan Keselamatan sudah pasti akan memakan belanja yang banyak dan ini mungkin menambahkan lagi beban kepada negara. Namun demikian, pengorbanan ini terpaksa dibuat dan semesti-

nya diterima oleh semua golongan rakyat untuk menyelamatkan negara dari segala segi ancaman. Saya yakin iaitu hanya dengan adanya keamanan sahaja barulah kita dapat hidup dengan aman dan tidak takut-takut bagi menjalankan tugas masing-masing. Ini termasuklah pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar tugas-tugas menjaga keselamatan negara ini dipikul oleh Pasukan Keselamatan pada setiap masa. Pada setiap masa 24 jam mereka itu bekerja, setiap masa mereka menghadapi berbagai bahaya, nyawa mereka sentiasa terancam. Kadang-kadang mereka tumpas di medan perjuangan. Dengan tugas-tugas mereka seumpama ini kerap kali keluarga-keluarga mereka mesti ditinggalkan. Oleh kerana kekurangan rumah kelamin sebahagian daripada mereka itu terpaksa menyewa rumah di lain-lain tempat. Dengan elau sewa rumah yang terhad yang diberi pada masa ini mereka terpaksa menyewa rumah-rumah yang murah yang selalunya tidak sesuai dari segi kesihatan dan keselamatan. Keadaan yang seperti ini sungguh menyedihkan. Oleh yang demikian, untuk menolong melega fikiran mereka yang bertugas tadi dan apabila mereka bertugas keluarga mereka kerap kali terpaksa ditinggalkan, saya mohon kepada Kementerian yang berkenaan menyediakan lebih banyak rumah kelamin lagi untuk mencukupkan keperluan ahli-ahli pasukan keselamatan khasnya tentera yang berkelamin.

Satu lagi perkara yang saya hendak tumbulkan di sini ialah berkenaan dengan bekas-bekas perajurit. Setelah mereka ini bersara menjadi bekas perajurit, satu lagi kesusahan akan dialami iaitu mencari rumah untuk kediaman masing-masing. Oleh yang demikian satu langkah patut diambil untuk memberi peluang pada mereka ini untuk membeli rumah murah yang didirikan oleh Kerajaan pada masa mereka ini sedang berkhidmat dalam tentera lagi. Ini akan dapat mengelakkan sikap tidak puashati yang mungkin akan timbul kelak. Saya bawa perkara ini oleh kerana bekas-bekas perajurit yang selalu telah menghadapi kesulitan ini. Dengan adanya rancangan rumah murah yang diistiharkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan baru-baru ini saya harap keistimewaan akan diberi kepada perajurit-perajurit dan bekas-bekas perajurit untuk memperolehi rumah-rumah itu. Berkaitan dengan ini saya mohon

kepada Kerajaan supaya memberikan sedikit penjelasan berkenaan dengan pinjaman perumahan (housing loan) bagi ahli-ahli angkatan tentera. Seperti kita sedia maklum pegawai-pegawai dan kakitangan awam Kerajaan diberi kemudahan pinjaman perumahan seumpama ini. Saya tahu kemudahan yang sama tidak diberi kepada ahli angkatan tentera. Di sini saya suka bertanya adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk memulakan satu skim pinjaman perumahan bagi semua peringkat ahli-ahli angkatan tentera. Jika masih belum ada lagi saya syorkan kepada Kerajaan untuk meneliti perkara ini dengan mendalam dan seterusnya memberi peluang yang sama kepada mereka yang saya rasa sungguh patut menerimanya sebagai penghargaan kita semua yang sungguh bangga dengan pengorbanan yang murni yang telah diberi oleh ahli-ahli angkatan tentera.

Seperkara lagi ialah berkenaan dengan gaji terhadap angkatan tentera. Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk menyentuh tentang gaji ahli-ahli angkatan tentera. Saya tahu pada masa ini satu Lembaga sedang menganalisa persidangan tanggagaji baru. Di sini saya menyeru kepada Kerajaan dan Lembaga yang berkenaan supaya mensifatkan bahawa angkatan tentera itu adalah sesuatu kerja atau profesyen yang tersendiri. Tidak bolehlah dibandingkan dengan lain-lain profesyen. Satu pekerjaan yang memerlukan anggota-anggota yang sanggup untuk berkorban, memberi taat setia dengan tidak berbelah bagi, dedikasi yang tidak sepatutnya dipersoalkan yaani sesuatu yang quality daripada seorang yang mementingkan negara lebih daripada kepentingan sendiri. Angkatan tentera mempunyai tanduknya sendiri. Ini mesti difahami dan diterima oleh semua golongan. Hanya sesudah konsep ini dapat diterima baharulah kita dapat mempertimbangkan tanggagaji angkatan tentera dengan adil dan seberapa sempurna. Sementara itu sebelum tanggagaji baru ini diumumkan, perajurit-perajurit peringkat rendah sudahpun diberi elaun. Di sini saya suka memohon sekali lagi kepada Kerajaan untuk cuba memberi tanggagaji baru mereka kepada pangkat yang rendah ini dengan seberapa segera.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ucapan saya pada petang ini dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

6.57 ptg.

**Tuan Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk bercakap dalam perbincangan Belanjawan ini. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di atas Belanjawannya yang sangat menarik kepada segala golongan, lebih-lebih lagi kepada golongan yang tiada. Nampaknya prinsip atau falsafah Belanjawan ini adalah untuk diambil cukai daripada yang mewah diberikan kepada yang kurang mewah. Dengan cara ini sangatlah nampak daripada yang tidak mewah itu satu Kerajaan yang sentiasa memikirkan kepentingan mereka itu.

Dalam pada itu juga saya tengok dalam kata-kata Yang Berhormat Mulia itu kita mahulah berhati-hati ke hadapan ini, bermakna iaitu sungguhpun banyak yang mengatakan keadaan dunia ke hadapan ini bertambah baik tetapi kita juga mahu berhati-hati disebabkan jika ada perkara berlaku di negeri-negeri yang maju maka kita pun mendapat akibatnya, oleh kerana kita menjual bahan-bahan mentah yang ada dalam negeri kita ini. Banyak juga saya tengok sumber-sumber daripada bahan-bahan mentah kita yang dicukai itu nampaknya ada satu tarikan yakni hajat hendak menolong tetapi terpaksa diambil cukai oleh kerana hendak menjalankan pentadbiran kita di negara ini. Saya contohkan umpamanya di dalam perlombongan sungguhpun hajatnya hendak menolong perlombongan yang kecil tetapi apabila akta cukai ini dikuatkuasakan didapati perlombongan-perlombongan terpaksa membayar cukainya lebih daripada tahun yang sudah.

Saya dapati satu perkara yang penting telah terjadi selepas membentangkan Belanjawan ini di Dewan Rakyat dahulu iaitu penyelesaian berkenaan dengan perjanjian syarikat-syarikat minyak dengan Petronas. Ini saya hendak mengucapkan tahniah kepada yang berusaha dengan perkara itu lebih-lebih lagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan penasihatnya Yang Mulia Raja Tan Sri Mohar. Di sini nampaklah satu bayangan iaitu satu punca kewangan yang kita akan dapat iaitu kewangan daripada khazanah minyak. Saya harap apabila datang punca kewangan ini

besok maka dikurangkanlah cukai-cukai yang lain iaitu punca-punca yang kita kutip pada masa ini.

Dengan itu barangkali dapatlah kita sambil menjaga orang yang berkurangan pendapatan boleh juga barangkali memewahkan yang berada itu supaya dapat kita cukai lagi diberikan kepada yang tidak mewah tadi. Selain daripada itu saya suka juga hendak bertanya kepada Kementerian yang berkenaan had manakah hendak diperbesar Petronas ini kerana apa yang saya takuti ialah Petronas jangan dijadikan sebagai satu perbadanan minyak seperti di negara tetangga boleh saya sebutkan iaitu Pertamina di mana pada suatu masa itu Kerajaan Negara itu sendiri terpaksa datang membantu Perbadanan tersebut. Maka saya harap Petronas tidak dibenarkan meliar dengan caranya bersendirian dengan tidak diawasi yang kemas—Lebih-lebih lagi saya perhatikan Petronas tidak akan mengeluarkan minyak iaitu tidak berusaha, cuma mengutip untung sahaja orang lain yang buat dan Petronas mengutip untung, 85% kalau mengikut dalam siaran akhbar dan saya rasa, jikalau mengutip untung sahaja tidaklah terpaksa di-besar-besarkan dan yang ditakuti lagi gaji-gaji mereka-mereka yang ada di dalam Petronas itu berlebihan daripada Perbadanan-perbadanan yang lain menjadikan satu perkara yang tidak seimbang ditakuti Perbadanan-perbadanan yang lain tidak puas hati maka kita masih juga terhadap dengan kemahuan segala Badan-badan Pekerja untuk mendapat gaji yang lebih. Dan saya perhatikan iaitu Petronas mengawasi melesenkan pembahagian-pembahagian atau pun pemberian minyak selain daripada mengikut saya katakan tadi maka dengan itu pada pendapat saya tidaklah payah diperbesar-besarkan dan mahulah dijaga dengan cukup rapi.

Di dalam memberikan kepada pendapatan yang rendah ini pengumuman berkenaan dengan rumah murah yang dilancarkan pada pembukaan Dewan ini pada hari kelmarin itu sangatlah disambut baik dan di sini saya juga mengucapkan tahniah di atas hasrat dan cara-cara menjalankannya. Tetapi di sini saya mengulang balik rakan-rakan saya yang telah bercakap berkenaan perkara ini. \$140 juta dalam dua tahun yang akan hadapan akan dilaburkan sudah tentu pemaju perumahan akan mendapat ungunya dahulu. Maka jika ada pemaju perumahan ini saya dapati rumah-rumah murah ini dikatakan saya percaya tentulah kecil

maka dengan itu pemaju-pemaju Bumiputra dan lebih-lebih pemborong-pemborong Bumiputra barangkali boleh menjalankan perkara-perkara yang kecil ini iaitu membina rumah-rumah yang kecil rumah-rumah yang murah ini maka janganlah melupakan di waktu menjalankan pemberian wang ini tadi. Yang saya takuti apabila keluar wang ini taukehtaukeh yang besar juga iaitu pemaju-pemaju perumahan yang besar juga yang mendapat untung tetapi yang kecil-kecil yang boleh yang hendak kita naikan tidak mendapatinya.

Saya selain daripada itu suka menyentuh berkenaan dengan perjalanan keretapi dan saya suka mengucapkan tahniah juga iaitu tentang nampak berkemajuan pada masa setahun dua ini dan di sini saya menyeru iaitu dimajukan terlebih baik lagi supaya pengangkutan barang dilebihkan dan diringankan supaya dapat mengurangkan sedikit pengangkutan barang di jalan tadi ada sahabat daripada Dewan ini telah merayu supaya diawasi segala lori-lori yang besar ini pada pendapat saya sekiranya licin perjalanan keretapi kita dapat mengurangkan jalan-jalan raya ini disebut oleh lori-lori yang besar juga ada berderet kita selalu nampak sebagai keretapi berjalan di atas tembok. Maka dengan itu terbabitkan dengan Jabatan-jabatan yang mengawasi berkenaan dengan pengangkutan di sini saya balik juga kepada perinsip mengambil kepada yang boleh membayar untuk menolong yang miskin ataupun yang kurang pendapatan, saya dapati banyak rungutan-rungutan daripada drebar-drebar teksi iaitu sewa yang tidak lumayan untuk mencari nafkah. Maka di sini saya berpendapat, rasa saya banyak yang tidak setuju dengan saya, iaitu adalah pengguna-pengguna teksi semuanya orang yang berada, ataupun mereka mampu menggunakan teksi jikalau tidak saya rasa dia tentu naik bas dan sekiranya orang yang mampu saya rasa yang menjalankan teksi yang berusaha adalah orang yang berpendapatan rendah, maka dengan itu jikalau menaikkan pun rasa saya adalah memberi menafaat kepada yang berpendapatan rendah. Dan di samping itu saya merayu iaitu mahulah melicinkan lagi berkenaan dengan public transport yang besar supaya dapat orang-orang yang berpendapatan rendah berjalan dengan murah.

Saya tidak hendak memanjangkan percakapan saya ini. Sekali lagi saya hendak

menyokong Belanjawan yang telah dikemukakan ini, maka di sini saya ada sedikit perhatian di dalam ucapan Yang Berhormat Mulia itu iaitu ada menyebut di sini melaukan supaya daripada sektor swasta (private sector) mahulah memainkan peranannya. Di bawah itu ada berkata mengikut bahasa Inggerisnya, "The Government's administrative machinery could also be improved by increased productivity of its workers who could thus contribute more effectively to the realisation of our social economic targets". Maka ini saya mendapat satu perkara yang sangat penting iaitu kepada pegawai-pegawai Kerajaan juga dan segala-gala pekerja dalam Kerajaan itu nampaknya Yang Berhormat Mulia juga telah mengatakan boleh dimajukan lagi atau pun diperbaiki iaitu supaya yang saya katakan mahulah mempunyai development oriented bukannya control oriented kerana apa siapa yang ada banyak membuat pekerjaan iaitu berjumpa dengan Jabatan-jabatan Kerajaan didapati sekarang ini kebanyakannya regulation atau pun peraturan makin lama makin ketat, bukannya mendapat development oriented maka dengan itu saya menyerulah marilah sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia itu bekerjasama dengan swasta begitu juga dari pihak Kerajaan dengan itu saya menyokong Belanjawan tahun 1977 ini.

#### 7.09 mlm.

**Tuan Oh Siew Aun:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan atas ucapan beliau walaupun pertama kalinya Menteri Kewangan yang baharu mempersembahkan Belanjawan kepada Dewan yang mulia ini, beliau telah menunjukkan bahawa kefahamannya tentang hal ehwal ekonomi adalah mendalam sekali. Rancangan pinjaman perumahan yang beliau membentangkan merupakan sebuah cadangan yang paling baik khususnya untuk golongan Malaysia yang berpendapatan rendah. Saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan khususnya dan Kerajaan pada amnya akan berwaspada dalam implimentasinya supaya orang-orang yang berpendapatan rendah mendapat faedah yang diperuntukkan. Saya tahu daripada pengalaman pahit bahawa banyak rancangan-rancangan Kerajaan yang baik telah menjadi buruk kerana kesalahan telah timbul dalam perlaksanaannya. Saya menasihati Yang Berhormat Menteri Kewangan

mengawasi pelaksanaan sekim ini dengan telitinya dan mengelakkan penyelewengan dan korupsi yang akhirnya akan menyusahkan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, dengan secara ringkasnya, saya akan memberi pandangan berkenaan dengan beberapa tajuk mustahak di dalam Belanjawan negara kita.

Yang pertama, minyak kelapa sawit, perusahaan kacang kedelai (soya-bean). Amerika Syarikat mengeluarkan hasilnya dalam dua bentuk, makanan kacang kedelai sebagai makanan binatang yang paling lazat dan minyak kacang kedelai yang selaku pencabar kepada minyak kelapa sawit dalam dunia lemak dan pasaran minyak. Hasil ini menyebabkan perusahaan Amerika Syarikat satu dasar yang flexible untuk menetapkan harga hasil-hasil keluarannya, sedangkan keuntungan kelihatan boleh diperolehi dari kedua-dua hasil tersebut atau cuma salah satu daripadanya sedangkan satu lagi tidak ada keuntungan atau daripada cuma satu sahaja yang boleh subsidi kerugian yang berlaku ke atas yang lain akibat satu daripadanya banyak dikeluarkan ke pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perusahaan kacang kedelai Amerika Syarikat menguasai 1/5 pasaran lemak dan minyak dalam dunia ini dan minyak kelapa sawit juga diharapkan menguasai saham pasaran yang sama pada pertengahan tahun 1980. Kita di Malaysia juga mengambil berat dalam keputusan menetapkan harga perusahaan kacang kedelai, Amerika Syarikat. Kita telah perhatikan pengeluaran kacang kedelai Amerika Syarikat, telah menambahkan hasil keluaran mereka untuk menepati permintaan untuk bahan makanan mentah (feed meal). Pasaran dunia yang semakin bertambah menyebabkan peruntukan minyak kacang kedelai telah menurunkan harganya. Dari 43.3 sen sepaun pada bulan Ogos 1974 kepada 16.2 sen sepaun pada bulan Mac 1976 yang menyebabkan harga minyak kelapa sawit harganya turun dari US 36.1 sen sepaun kepada 16.9 sen sepaun. Mungkin kita boleh mendapat satu gejala iaitu banyak kacang kedelai dikeluarkan secara tektik pembuangan atau dumping tactics, ianya memberi amaran kepada kita bahawa harga minyak kelapa sawit akan terjejas dua kali lipat ganda.

Yang keduanya, keadaan ini akan dipengaruhi oleh permintaan yang semakin bertambah dalam pasaran bukan minyak

(non-oil market) seperti bahan makanan mentah yang disebutkan di atas, sedangkan kita tidak boleh membuat apa-apa kepada aspek yang pertama, tetapi barangkali masih boleh melakukan sesuatu untuk aspek yang kedua. Kalau Malaysia boleh mengeluarkan bahan makanan berjuta-juta tan banyaknya maka permintaan untuk bahan makanan mentah bagi pasaran dunia akan kurang. Dan mengurangkan permintaan bahan makanan mentah dalam dunia amnya dan kacang kedelai khasnya dan dengan ini dapatlah ia menolong perusahaan minyak kelapa sawit di Malaysia kita ini, akan tetapi Malaysia tidak mengurangkan bahan makanan mentah untuk mengurangkan permintaan dunia, sesungguhnya melakukan yang sebaliknya iaitu mengimpot bahan makanan mentah. Dalam tahun 1973 sebanyak \$80 juta dibelanjakan bagi mengimpot bahan makanan dan \$10 juta daripadanya bagi minyak kacang kedelai, kacang tanah dan kelapa yang kesemuanya ialah pencabar minyak kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua ialah hasil pengeluaran beras. Malaysia ialah sebuah negara yang mengeluarkan beras yang tertinggi sekali harganya di Asia Tenggara. Sebanyak lebih kurang 85% sudah cukup atau (self-sufficient) dalam hasil keluaran ini, akan tetapi apabila bilangan penduduk bertambah hasil keluaran beras harus terus bertambah. Kalau kita hendak mempertahankan darjat sudah cukup ini, akan tetapi kita memerhatikan usaha untuk menambahkan hasil keluaran ini terlalu mahal dan di sini biarlah saya kutipkan dari muka surat 49, Laporan Ekonomi 1976/1977, rancangan parit dan taliair dijangka membelanjakan \$50 juta supaya membolehkan tanaman dua kali setahun bertambah 3.6% pada tahun 1976. Dalam muka surat 89, Laporan Ekonomi 1976/1977 pula dalam tahun 1976 jumlah luasnya yang ditanam padi bertambah 1% berbanding dengan tahun 1975. Jelas sekali cita sudah cukup berkesan menambahkan hasil padi dengan penanaman dua kali setahun dan bukan membuka sawah padi yang baru. Di dalam sebuah negara di mana anahnya sesuai untuk tanaman padi seperti Sabah dan Sarawak langkah-langkah seperti ini hendaklah dipersoalkan apabila belanjan keuntungan ditimbangkan.

Perkara yang ketiga, haiwan ternak. Kerbau Malaysia merupakan haiwan yang paling sesuai dengan keadaan Malaysia—dan pada masa yang lampau dapat dilihat di

mana-mana sahaja di kawasan-kawasan sawah padi. Sejak penanaman dua kali setahun dijalankan, haiwan ini tidak banyak lagi digunakan kerana kekurangan bahan-bahan makanan dan kekurangan masa bagi pihak pesawah padi untuk menjaganya serta segala usaha dijalankan oleh mesin dan jentera. Kita boleh menimbulkan masalah kekurangan bilangan kerbau dengan mengadakan penanaman padi dua kali setahun dan sekarang kita juga berusaha untuk mencegah kekurangan bilangan haiwan ini dengan mengadakan MAJUTERNAK. Namanya MAJUTERNAK telah melupakan kerbau tempatan kita yang paling sesuai dengan keadaan Malaysia. MAJUTERNAK juga sedang berusaha mengeluarkan susu mentah. Perkembangan ini sekali lagi dapat disoalkan kerana projeknya di Batu Arang yang tidak dapat mengeluarkan susu mentah pada hal susu yang diproses semula ialah dibuat daripada tepung yang diimpot. Dapatkah Malaysia membelanjakan tabung pembangunan untuk mengeluarkan kemewahan untuk memperolehi susu mentah? Dan siapakah akhirnya yang mampu menjadi pengguna-pengguna susu mentah yang dikeluarkan itu? Dengan harga yang tinggi dan perlu disimpan dalam peti ais. Saya sangka ianya bukan untuk golongan yang tidak berada.

Perkara yang keempat, mengenai perikanan. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian atas kenyataan yang tegas berkenaan dengan aktiviti-aktiviti pukut tunda yang haram. Selepas kenyataan beliau pihak-pihak yang berkuatakuasa nampaknya telah bergerak dengan lebih tegas khasnya di kawasan Pulau Pinang. Bagi pihak nelayan-nelayan kecil saya akan mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perikanan dan Pasukan Police Marine. Walau bagaimanapun masih ada banyak lagi yang boleh dibuat oleh agensi-agensi penguatkuasa bahawa pukut tunda yang haram itu biasanya bergerak pada malam hari. Khasnya di kawasan perairan dari Batu Maung ke Gertak Sanggul dan ke Pantai Aceh. Mereka tidak pasang lampu dan tidak peduli siapa punya pukut, mereka serang. Saya menggesa Jabatan Perikanan dan Pasukan Polis Marine supaya bertugas juga pada waktu malam dan menghapuskan ancaman ini.

Perkara yang kelima, Tuan Yang di-Pertua, jalan Lapanganterbang Bayan Lepas.

Berkenaan dengan pembangunan infra-structure di negeri Pulau Pinang, izinkan saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Kementerian Perhubungan atas peruntukan bagi projek Lapanganterbang Bayan Lepas dan Kementerian Kerjaraya atas dedikasinya menjalankan projek ini. Saya faham bahawa "runway" yang baharu ini akan siap dalam beberapa bulan lagi dan jet-jet jumbo akan mendapati, tetapi malangnya jalan ke lapanganterbang yang moden ini belum berubah sejak zaman colonial. Jalan ini masih sempit sekali. Kesesakan lalu-lintas berlaku tiap-tiap hari dan kemalangan telah bertambah dengan seriousnessnya. Tambahan pula Bandaraya Pulau Pinang telah menjadi suatu International Convention City. Tiap-tiap tahun banyak persidangan antarabangsa dan banyak orang kenamaan dari luar negeri melawat bandaraya ini dan kita lihat bahawa dari masa kesemasa pemimpin-pemimpin besar Asia Tenggara pun mengadakan perbincangan ataupun rundingan di Pulau Pinang. Oleh yang demikian, jalan yang ada sekarang sangatlah memalukan dan saya menggesa Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan mengadakan satu peruntukan khas untuk meluaskan jalan yang ada sekarang dan membina satu jalan besar yang baru.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri atas Belanjawan dan saya harap beliau memberi pandangan yang berat berharap syor-syor yang telah saya kemukakan dalam ucapan saya tadi dan saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 ini.

7.22 mlm.

**Datuk Dr Wee Khoon Hock:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap dapat dilanjutkan masa sedikit supaya saya boleh menghabiskan ucapan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diizinkan.

**Datuk Dr Wee Khoon Hock:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong dengan sungguh-sungguh besar hati, Rang Undang-undang Perbekalan 1977 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah tiga hari yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan adalah pengemudi negaranya. Dalam tangan

Menteri inilah keselamatan pelayaran kapal negara itu bergantung. Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita, seperti yang telah diujarkan terhadap Belanjawan ini adalah seorang pragmatic dan flexible. Kapal negara Malaysia dengan pengemudi yang ber-kelayakan seperti Yang Berhormat Mulia ini, kita yakin kata bahasa Inggeris "will be able to sail through any trouble waters". Belanjawan ini adalah satu rancangan ekonomi tahunan yang dinamis dan berpandangan jauh yang bukan sahaja akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara pada tahun depan bahkan juga akan menempatkan ekonomi itu atas landasan yang kukuh dan stabil untuk menjamin Rancangan Malaysia Ketiga mendapat penuh kejayaan dan akan mempengaruhi taraf kehidupan rakyat jelata berpuluh-puluh tahun yang akan datang. Sebagai seorang wakil dari negeri Kelantan, memanglah saya merasa bangga dan besar hati pada ketika ini dan kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan itu, saya mengucapkan syabas dan tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita membandingkan ucapan Belanjawan 1977 oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di Dewan Rakyat pada 29hb Oktober, 1976 lalu dengan ucapan Belanjawan di Dewan yang mulia ini tiga hari yang lepas; selang 46 hari sahaja, tiga perkara telah dapat kita lihat:

Perkara yang pertama, dalam ucapan Yang Berhormat Mulia di Dewan Rakyat, katanya:

Keluaran Dalam Negara Kasar (G.D.P.) pada masa 29hb Oktober, 1976 ini di-anggarkan telah berkembang dengan sebanyak 8.5% dari segi sebenar berbanding dengan 6.1% menurut Anggaran Belanjawan 1976.

Dalam ucapan Yang Berhormat Mulia di Dewan ini pula tiga hari yang lepas ia berkata:

Keluaran Dalam Negara Kasar (G.D.P.) untuk tahun 1976 mungkin akan melebihi pertambahan sebanyak 8.5% yang beliau sebutkan dalam ucapan Belanjawan 1977 di Dewan Rakyat.

Perkara yang kedua, dalam ucapannya di Dewan Rakyat pula, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan berkata:

Inflasi telah naik 4.5% mengikut anggaran angka tunjuk harga pengguna

(consumer price index) pada 29hb Oktober 1976, dan dalam ucapan ke Dewan Negara ini pula pada 13hb Disember, 1976 ia berkata: Inflasi bertambah dengan kadar yang lebih rendah, iaitu sebanyak 3% sahaja, berbanding dengan anggaran asal sebanyak 4.5% dalam bulan Oktober iaitu 46 hari yang lepas.

Perkara yang ketiga, kata Yang Berhormat Mulia di Dewan Rakyat pada 29hb Oktober, 1976 itu: Keadaan permintaan luar negeri atau external demand yang sihat telah memulihkan kedudukan eksport barangan kita sehingga dapat melebihi jumlah impot yang tinggi. Dengan itu kita telah mendapat lebihan (surplus) sebanyak \$140 juta pada current account of the balance of payment atau akaun semasa imbangan pembayaran. Surplus ini bersama kemasukan modal asing yang besar dijangka akan menambahkan cadangan pertukaran luar bersih atau net foreign exchange reserve kita sebanyak kira-kira \$1,500 juta hingga menjadi lebih kurang jumlahnya \$5,430 juta. Foreign Exchange Reserve yang tinggi ini adalah cukup untuk membiayai impot bersih bagi kira-kira 7 bulan berdasarkan paras impot pada akhir tahun 1976.

Berbalik pula kepada ucapan Yang Berhormat Mulia pada 13hb Disember, 1976 di Dewan ini:

Pengeluaran getah, kayu balak, kayu yang digergaji dan juga minyak mentah telah bertambah dengan banyak. Ini telah menambahkan nilai eksport kita sebanyak 35% ke 45% berbanding dengan nilainya pada tahun 1975. Oleh sebab harga impot semakin turun, kedudukan imbangan pembayaran (balance of payments) kita juga dijangka lebih baik dan pada keseluruhannya akan mencatatkan lebihan sebanyak \$2,040 juta berbanding dengan lebihan sebanyak \$171 juta yang tercapai dalam tahun 1975.

Net foreign exchange reserve kita sekarang ini dijangka mencapai paras \$6,230 juta iaitu bertambah sebanyak \$2,000 juta jika dibandingkan dengan kedudukannya pada akhir tahun 1975.

Jumlah foreign exchange reserve ini adalah cukup untuk membiayai impot bersih bagi kira-kira lapan bulan berdasarkan kepada paras impot pada akhir tahun 1976.

Tuan Yang di-Pertua, di antara 29hb Oktober, 1976 hingga 13hb Disember, 1976 dalam tempoh 46 hari sahaja kita dapat

ekonomi negara kita telah seterusnya bertambah baik. G.D.P. (gross domestic product) telah meningkat dari kembang 8.5% kepada lebih daripada 8.5% itu. Inflasi dapat menurunkan dari 4.5% ke 3% sahaja. Eksport barangan kita masih bertambah, agar overall balance of payment bertambah dari \$140 juta ke \$2,040 juta. Net foreign exchange reserves telah meningkat daripada \$1,500 juta pada 29-10-76 hingga \$2,000 juta sekarang dan jumlah net foreign exchange reserves telah pun berubah dari \$5,430 juta menjadi \$6,230 juta sekarang. Sedangkan tempoh biayaan impot bersih dengan jumlah wang simpanan luar dapat ditambah daripada 7 bulan hingga 8 bulan.

Berbagai perubahan yang menggalakkan dan pesat dalam tempoh yang singkat selama 46 hari ini menunjukkan betapa kukuh dan subur ekonomi negara kita. Sukacitalah kita dapat melihat bahawa perkembangan ekonomi negara sedang mulai dan kewujudan keyakinan di dalam dan di luar negara kita akan menjamin kejayaan. Rancangan Malaysia ketiga yang betapa penting untuk hal terselamatan (survival) sistem demokrasi negara kita. Namun demikian, kegiatan ekonomi terlalu berubah tertakluk kepada beberapa faktor, dan sungguhpun negara kita benar-benar merupakan tanah yang dirahmati Allah dan prospek ekonomi hadapan kita sungguh menggalakkan dan mempunyai kemungkinan akan tetapi haruslah kita berwaspada seperti kata pepatah Inggeris "Make hay while the sunshine" atau sedia payung sebelum hujan. Bersiap sedia menentang segala cabaran masa hadapan. Dengan sikap inilah maka rakyat dan negara akan dapat mengatasi apa situasi jua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa minit lagi, Yang Berhormat?

**Datuk Dr Wee Khoon Hock:** Lagi 7 minit. Berkenaan dengan Rancangan Pinjaman Perumahan untuk golongan berpendapatan rendah yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia baharu-baharu ini telah disambut baik oleh semua pihak, khasnya pihak swasta yang akan memainkan peranan yang penting di atas perkara ini. Sekim ini akan mengakibatkan beratus-ratus ribu rakyat berpendapatan rendah mempunyai rumah sendiri dengan merasa kehidupan mereka lebih terjamin dan dengan pertapakan seperti inilah akan menghasilkan satu golongan mempunyai rumah dengan panduan taat dan

setia, ini pasti akan membantu Kerajaan mencegah pengaruh anasir-anasir anti-national dengan secara besar. Akan tetapi ada setengah-setengah negeri dengan mempunyai undang-undang tanah lebih berat dan cara memproses memindahkan hakmilik tanah terlalu lambat diselesaikan. Ini akan menghalangkan pelaksanaan sekim ini dan sekim pembinaan rumah harga rendah khasnya tanah yang terlibat dengan sekim itu terletak dalam kawasan bumiputra.

Saya harap Kerajaan Pusat mengambil perhatian berat dalam perkara ini dan dapat memastikan persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri meliberalkan undang-undang tanah mereka di mana yang perlu supaya sekim perumahan untuk golongan berpendapatan rendah tidak dihalangi dan dengan yang demikian sekim itu dapat dilaksanakan dengan lancar dan licin.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima surat rayuan baharu-baharu ini daripada banyak ahli-ahli Persatuan Bekas Perajurit Malaysia, Cawangan Kelantan, bahawa hingga 3-11-76 jumlah ahli cawangan Kelantan itu adalah seramai 1,300 orang, dan akan bertambah lagi pada tahun hadapan. Kebanyakan dari ahli itu tidak mempunyai rumah. Saya merayu pihak Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan memberi pertimbangan di atas rayuan mereka supaya rancangan perumahan harga murah di Bandar Kota Bharu yang akan didirikan pada awal tahun 1977 hendaklah diberikan peruntukan kepada ahli-ahli bekas perajurit itu yang tidak mempunyai rumah, dan kepada golongan bukan bumiputra di negeri Kelantan yang kebanyakannya berpendapatan rendah dan tidak mempunyai rumah juga.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Income Tax. Kami sangat mengalu-alukan cadangan-cadangan cukai yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Mulia khasnya Cukai Pendapatan atas perseorangan di mana tiap-tiap pemastautin akan diberi rebate \$60 dan bagi isteri-isteri yang tidak bekerja atau isteri-isteri yang bekerja tetapi tidak memilih untuk ditaksirkan berasingan, satu lagi rebate

cukai sebanyak \$30 akan diberi oleh Kerajaan. Di sini saya suka merayu kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan supaya menambahkan lagi rebate ini untuk pemastautin yang menanggung hidup ibubapanya atau ibubapa dan datuk neneknya. Ini akan menggalakkan pengamalan kesalihan antara rakyat jelata. Kesalihan adalah sebahagian penting akhlak yang dukacitanya beransur-ansur menghilang di kebanyakan rumah tangga sekarang.

Adalah lebih dari 150,000 orang menyalahgunakan dadah dan sebahagian besar daripadanya kaum belia. Bilangan ini sedang meningkat. Saya harap satu Rang Undang-undang baharu digubal bagi mewajibkan para ibubapa yang berada membayar perbelanjaan rawatan bagi anak-anak mereka di Pusat Pemulihan Dadah negara ini tidak lama lagi. Langkah ini amatlah baik kerana ini bertujuan menyedarkan ibubapa tentang tanggungjawab mereka selain mewajibkan mereka memberi perhatian wajar terhadap anak-anak supaya tidak terjerumus dalam perangap dadah. Akan tetapi apabila ibubapa kanak-kanak itu sebok dengan mencari rezekinya, anak-anak itu terbiar di rumah mereka dengan tidak ada apa-apa pendidikan pra-sekolah yang begitu penting tentang kanak-kanak itu.

Di sini orang tua seperti datuk nenek kanak-kanak itu yang bergantung hidup mereka kepada ibubapa yang sebok itu akan memainkan peranan yang penting atas memberi pendidikan pra-sekolah yang sungguh berfaedah kepada kanak-kanak itu.

Satu kata bersifat English: Prevention is better than cure, amatlah sesuai dengan keadaan ini dan saya sungguh berharap pandangan saya ini akan dapat dipertimbangkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 17hb Disember, 1976.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.40 malam.*